ٱلَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسَـٰلَـٰتِ ٱللَّهِ وَيَخْشَوْنَهُۥ وَلَا يَخْشَوْنَ أَحَدًا إِلَّا ٱللَّهَ ۗ وَكَفَىٰ بِٱللَّهِ حَسِيبًا

Orang-orang yang menyampaikan risalah-risalah Allah dan mereka takut kepadaNya dan mereka tiada merasa takut kepada seorang pun selain kepada Allah, dan cukuplah Allah sebagai Pembuat perhitungan. [33:39]

رسائل الراوي

Rasail Ar-Rowi

SURAT-SURAT DARI QALAM HADHRAT FAQIR HAQIR FANI MAULAWI JALALUDDIN AHMAD AR-ROWI AL-AMANI

Naqshabandi Mujaddidi Uwaisi Ghaffarallahu Lahu Wali Walidaihi Wali Masyaikhihi Wali Jami'il-Muslimin Ila Yaumiddin

JILID 3

2010-2012/1431-1433

Rasail Ar-Rowi Jilid Ketiga

Terbitan Edaran:

Khazanah Naqshabandiyyah

Naqshaband Akademi Quran Sunnah & Hadits

Markazi Khanqah Khaliliyyah Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah

Selayang Selangor Darul Ehsan

2012 M / 1434 H

رسائل الراوي

Rasail Ar-Rowi

KANDUNGAN
RASAIL AR-ROWI JILID KETIGA

SURAT KESERATUS EMPAT

Sebaik-baik perkataan adalah Kitabullah dan sebaik-baik amalan adalah Sunnah Rasulullah. Allah yang telah menetapkan bahawa RahmatNya mendahului segala kemurkaanNya. Tiadalah nasib yang baik bagi mereka yang tidak memerhatikan adab. Dua pertiga Ad-Din akan terhasil menerusi pengamalan adab yang sempurna. Menurut Piran Kibar Naqshbandiyah Mujaddidiyah, perjalanan Tariqat pada dasarnya adalah semata-mata adab. Bahawa Allah sedang memerhatikan kita walau di mana dan apa jua pekerjaan kita dan Dia Maha Mendengar segala ucapan di lidah dan di hati sanubari mahupun dalam angan-angan serta khayalan kita kerana Dialah Zat Yang Maha Mengetahui segala sesuatu dan segala apa yang tersembunyi di dalam isi hati.

Kepada Zehemaahad

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh.
Bismillahi Wassolatu Wassalamu 'Ala Rasulillah.

Alhamdulillah, faqir doakan semoga Allah merahmatimu dan mengurniakan kamu petunjuk. Sebaik-baik perkataan adalah Kitabullah dan sebaik-baik amalan adalah Sunnah Rasulullah. Menyembah Allah dalam keadaan kita mengenali Zat, Sifat dan Af'alNya serta sentiasa memerhatikan limpahan dari sisiNya. Sentiasa berzikir di dalam hati dalam keadaan berdiri, duduk mahupun berbaring, samada berseorangan mahupun dalam keramaian.

Mulakan harimu dengan Taubat dan sudahi malammu juga dengan Istighfar dan Taubat kerana orang yang selalu bertaubat adalah kekasih Allah dan seumpama orang yang tidak berdosa. Maha Besar Rahmat Allah yang telah menetapkan bahawa RahmatNya mendahului segala kemurkaanNya meskipun terhadap hamba yang faqir dan hina dengan debu tanah ini. Dengan keikhlasan kamu, maka kami menjawab permohonan kamu dan andaikata masih belum memuaskan hatimu, maka hadirlah kehadhrat kami untuk menerima Talqin dan menjualkan diri.

Semoga Allah merahmati segenap usaha dan ikhtiarmu dan setiap detik hatimu dalam mengingati hadhrat kami dan semoga kesungguhan kamu disertai dengan adab. Tiadalah nasib bagi merekayang tidak memerhatikan adab. Dua pertiga Ad-Din akan terhasil menerusi pengamalan adab yang sempurna. Menurut Piran Kibar Naqshbandiyah Mujaddidiyah, perjalanan Tariqat pada dasarnya adalah semata-mata adab. Sewajarnyalah kita sentiasa beradab dengan Allah yang bersifat Az-Zahir dan lebih-lebih lagi dengan kesedaran bahawa Dia bersifat Al-Batin. Tiadalah Taufiq dan Hidayah melainkan dengan Taufiq dan Hidayah Allah, Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung. Peliharalah Solat lima waktu dengan sebaik mungkin dan perbanyakkanlah bersolat Nawafil Sunnah. Bacalah Al-Quran setiap hari dan perbanyakkanlah Selawat ke atas Junjungan Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Sentiasa ingat bahawa Allah sedang memerhatikan kita walau di mana dan apa jua pekerjaan kita dan Dia Maha Mendengar segala pengucapan di lidah dan di hati sanubari mahupun dalam angan-angan serta khayalan kita kerana Dialah Zat Yang Maha Mengetahui segala sesuatu dan segala apa yang tersembunyi di dalam isi hati.

Semoga Allah melapangkan dada kamu dan mempermudahkan jalan kamu dan menambahkan keyakinan dan kesungguhan kamu untuk menuruti langkah-langkah orang-orang yang terdahulu dalam berbuat kebajikan dan kebaikan sebagaimana Para Nabiyyin, Para Siddiqin, Para Syahidin dan Para Salihin. Semoga Allah melimpahkan rasa kasih dan cinta dalam hati kita terhadap mereka sekeliannya agar mudah-mudahan dapatlah kita dibangkitkan dan duduk bersama-sama dengan mereka, hanya kerana demi cinta kita terhadap segala ahwal, maqamat dan ma'rifat mereka. Mudah-mudahan Allah mengurniakan kita segala limpahan yang telah dilimpahkannya ke atas mereka dengan limpahan yang sempurna lagi dapat menyempurnakan. Dengan berkat kemuliaan Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan sekelian Masyaikh Kiram Silsilah 'Aliyah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah Rahimahumullah.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wala Hawla Wala Quwwata Illa Billah.
Ma'as Salamah.

Faqir Jalaluddin Ahmad 'Afallahu 'Anhu

SURAT KESERATUS LIMA

Dengan sifat Tawadhu', seseorang hamba Allah akan mencapai peningkatan darjat secara berperingkat-peringkat. Khusyuk akan terhasil dengan Ihsan. Ihsan adalah Istihdhzar yakni menghadirkan Allah sedang berada di hadapan kita. Perhubungan dengan Rauhaniah Para Masyaikh untuk menghasilkan Nisbat Silsilah.

Kepada Zehemaahad

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Nahmaduhu Wa Nusolli Wa Nusallim 'Ala Rasulihil Karim, Amma Ba'du;

Dari faqir haqir dhaif la syaik miskin Jalalluddin yang ma'aruf dengan Ahmad Ar-Rowi 'Afa 'Anhu, kehadhrat saudaraku, semoga dirahmati dan diberkati Allah. Merasakan bahawa diri lemah dan hina adalah alamat Tawadhu' dan dengan sifat tersebut, seseorang hamba Allah akan mencapai peningkatan darjat secara berperingkat-peringkat. Kerana itulah pelajaran adab mengajar kita supaya sentiasa berendah diri dan menganggap bahawa sesungguhnya diri kita adalah hina jika dibandingkan dengan seluruh manusia yang lain.

Adab mengajar kita untuk memuliakan orang lain, khasnya seluruh saudara kita yang Muslim. Mencintai seluruh manusia akan membolehkan kita mencapai kekuatan akal fikiran untuk membuat pertimbangan dalam menentukan yang manakah perkara Haqq dan yang manakah perkara Batil, yang manakah amalan yang lebih Afdhal dan amalan apakah yang lebih Awla? Apakah perintah Allah dan apakah laranganNya, apakah Sunnah Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan apakah Bida'ah yang bertentangan dengan Sunnahnya supaya dapat kita membuat pertimbangan yang sempurna

dan berkeupayaan untuk mengambil keputusan tegas, menghalau sifat malas, melembutkan hati yang keras, beristiqamah dalam menjalankan urusan-urusan Agama dan memperbanyakkan doa kehadhrat Nya.

Mohonlah doa dengan hati yang khusyuk dan merendahkan suara dengan lidah dan hati sambil memahami apa yang sedang dipinta supaya hati dan akal dapat menggambarkan apa yang kita haatkan. Jika kekuatan untuk istiqamah yang diperlukan, maka panjangkanlah masa berdoa untuk memohon kepadaNya agar dilimpahkan kekuatan untuk taat dan istiqamah. Khusyuk akan terhasil dengan Ihsan. Ihsan adalah Istihdhzar yakni menghadirkan Allah sedang berada di hadapan kita sehingga keadaan tersebut meliputi diri kita dan membawa hal keadaan kita merasakan kebersamaan dengan HadhratNya tanpa sebarang kaifiyat atau tidak dapat diungkapkan hal keadaan kaifiyatnya. Jika kelemahan masih ketara, maka kamu perlu menghubungkan ruh kamu dengan Rauhaniah Para Masyaikh untuk memohon Imdad Ruhaniah daripada mereka, dan ini akan terhasil menerusi Bai'ah menghubungkan Nisbat Silsilah Ruhaniah. Semoga Allah mengurniakan kamu Taufiq dan Hidayah.

Wassalamu 'alaikum Warahmatullah.

Faqir Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi 'Afa 'Anhu

SURAT KESERATUS ENAM

Menjalankan kegiatan Dakwah, Ta'allim, Tasfiyyah, Tazkiyyah dan Tazkirah di sekitar negeri Selangor Darul Ehsan kerana sudah menerima tauliah kebenaran dari pihak Sultan Selangor menerusi Majlis Agama Islam Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor untuk menjalankan Dakwah dan mengajarkan ilmu Al-Quran dan Fardhu 'Ain dalam negeri Selangor sahaja.

Kepada Anwar Ali, Bukit Mertajam, Penang

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari 'abdu dha'if faqir haqir Jalalludin Ahmad ma'aruf sebagai Ar-Rowi 'Afa 'Anhu, kehadhrat saudaraku Anwar Ali di Kampung Pertama, Permatang Pauh, Bukit Mertajam, Pulau Pinang semoga Allah merahmati. Faqir memohon maaf jika kehadiran surat ini agak lewat dari yang dijangka. Pada awalnya faqir memang hendak segera membalas surat-surat yang faqir terima, namun tiada sebarang daya dan upaya untuk faqir melakukannya kecuali apa yang sudah dikehendaki oleh Allah Ta'ala. Untuk pengetahuanmu, faqir tidak pernah mengajar di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Akan tetapi ada beberapa orang dari murid faqir yang berasal dari sana dan ada yang sedang menetap di sana. Buat masa ini, faqir menjalankan kegiatan dakwah, ta'allim, tasfiyah, tazkiyah dan tazkirah hanya di sekitar negeri Selangor kerana faqir sudahpun menerima tauliah kebenaran dari pihak Sultan Selangor menerusi Majlis Agama Islam Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor untuk menjalankan dakwah dan mengajarkan ilmu Al-Quran dan fardhu 'Ain dalam negeri Selangor.

Insya Allah jika diizinkan Allah, dapatlah faqir beramal jariah di Pulau Pinang pula. Jika ada ikhwan yang berminat untuk mendalami ilmu Tariqat Naqshbandiyah Mujaddidiyah ini, faqir mengalu-alukan kehadiran tuan dan rakan-rakan yang sealiran sebagi tetamu di Khanqah Khaliliyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah, Gua Damai, Kampung Wira Damai, Gombak, Batu Caves, Selangor Darul Ehsan. Semoga Allah mengurniakan taufiq dan hidayah,

Wassalamu'alaikum Warahmatullah.

Faqir Jalalludin Ahmad 'Afa 'Anhu

SURAT KESERATUS TUJUH

Keizinan untuk memuat-turun koleksi e-buku dari laman untuk dikongsi dan memaklumkan tentang berita kemangkatan Hadhrat Khwajah Khan Muhammad pada tarikh 20 Jamadil Awwal bersamaan 3 May 2010.

Kepada Syed Minhas Aftab

Bismillahi Wassolatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa Ba'du,

From the weakest faqir Jalaluddin Ahmad to my dear brother Syed Aftab, may Allah bestow mercy upon you. You are welcome to read and download the collections of books at my site. It was meant to be shared. Pray for me and for the whole Ummah. For your information, Hadhrat Khwajah Khan Muhammad Sahib has passed away last night (20 Jamadil Awwal 1431/3 May 2010). Al-Fatihah.

Wassalam.

Faqir Jalaludin Ahmad Ar-Rowi

SURAT KESERATUS LAPAN (108)

"And He is always with us wherever we are".

Kepada Nasrullah Aref Qaisrani

Bismihi Ta'ala Wassolatu Wassalamu 'Ala Khayril Wara, Amma Ba'du;

From the weakest and poorest servant Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi may Allah forgive him, to my dearest brother Hadhrat Muhammad Nasrullah Aref Qaisrani may Allah's blessings be upon you. Thank you for your kind prayer. And He is always with us wherever we are.

Wassalam.

Faqir Jalaludin Ahmad Ar-Rowi

SURAT KESERATUS SEMBILAN

Allah had sent down His Words from the Lauh Mahfuz to His Prophets since Hadhrat Adam 'Alaihissalam until the last Prophet Hadhrat Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam through Hadhrat Jibrail 'alaihissalam. The last revelation was upon His last Prophet, Muhammad may Allah's peace and blessings be upon him, his family and his companions. The Prophet Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam was sent to mankind. He is the Chief of all the prophets and he is the best example to be followed. He was sent not only to the Arabs or to the Persians or to the Jews or to the Christians or to the Asians or to the Malaysians or to the Chinese or to the Europeans, but to the entire humanity.

Kepada Enrique Riesco, Chile

By The Name Of Allah The Most Merciful The Most Compassionate

May Allah's mercy be upon His Messenger Prophet Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. From the weakest and poorest servant of Allah, Jalaluddin Ahmad, may Allah's forgiveness be upon him, to my dearest brother Enrique Riesco in Chile, may Allah give you the guidance towards understanding the truth. Allah is the Truth and nothing but the truth. Allah had sent down His Words from the Lauh Mahfuz to His Prophets since Hadhrat Adam 'Alaihissalam until the last Prophet Hadhrat Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam through Hadhrat Jibrail 'alaihissalam. The last revelation was upon His last Prophet, Muhammad may Allah's peace and blessings be upon him, his family and his companions. I'm very happy knowing that you had a great interest in Islam and studying the Al-Quran. It is His Words spoken to His last prophet and his communities till the end of the world. It is the best words to be read and listen. Read it with good faith that is no diety of worship except Allah the All Mighty.

The Prophet Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam was sent to mankind to show us how to the best servant of Allah by having the right creed and follow the path of the prophets. He is the Chief of all the prophets and he is the best example to be followed. He was sent not only to the Arabs or to the Persians or to the Jews or to the Christians or to the Asians or to the Malaysians or to the Chinese or to the Europeans, but to the entire humanity. Muhammad is the master of the believers and he is our spiritual and physical master in this world and hereafter. He is not God as the Christians worship Jesus, but he is the best servant of Allah the Lord of the entire universe. May Allah bestow us with His Grace and Mercy to love His Prophets especially His Beloved Prophet Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Regards,

Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi , May Allah forgives him

SURAT KESERATUS SEPULUH

Al-Quran is The Words of Allah and the revelation of The Words was in the language of Arabs because Muhammad was an Arab. Explaining the six pillars of faith.

Kepada Enrique Riesco, Chile

By The Name Of Allah The Most Merciful The Most Compassionate I begin to write.

May His Peace and Blessing be upon His Beloved Prophet Muhammad, His Messenger, The Seal of the Prophethood, The Master of the Sainthood, The Leader of the Muslim Brotherhood, Sallallahu Ta'ala 'Alaihi Wa 'Ala Alihi Wa Sahbihi Wa Baraka Wa Sallam. From this weakest servant who is nothing, Jalaluddin Ahmad may Allah forgive him; to my respectable friend Enrique Riesco in Chile may Allah guides you towards the true salvation.

Know that Al-Quran is The Words of Allah and the revelations of The Words were in the language of Arabs because Muhammad was an Arabs. Previously, Allah had sent His Words to Prophet Musa 'Alaihissalam which are known as Taurat or Torah with his own language. Zabur was sent to Prophet Daud (David) 'Alaihissalam with his own language and Injil was sent to Prophet 'Isa (Jesus) 'Alaihissalam with his own language.

As a believer, firstly we have to have faith in the Oneness of Allah and the perfect qualities of His Being and denying all the unperfect and defective qualities. He is The One that the entire creation put their hope. He did not bear any child nor was He born by someone else. There are nothing comparable to Him in this entire universe.

Secondly, we have to have faith that Allah had created the Malaikat also known as Angels in English. They are made of lights and always obey Allah's Commands. Their numbers are so many that no one except Allah can define. We need to believe in their temporal existence to serve Him, to praise Him and obeying His Commands.

Third, we have to believe that Allah had sent four Sacred Books named Taurat, Zabur, Injil and Al-Quran to His Prophets Musa, Daud, 'Isa and Muhammad 'Alaihimus Solatu Wassalam.

Fourth, we need to believe that Allah had sent His Prophets to the human kind as His Messenger since Prophet Adam 'Alaihissalam until Prophet Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, may Allah's blessings and peace be upon them. Between these two prophets, there are approximately 124,000 Prophets has been sent to many continents of the earth. We believe

that they had thought the Oneness of Allah to their people and they submit their lives to fulfill their task to propagate the true beliefs.

Fifth, we need to believe the existence of a new realm of life in the hereafter which are called Akhirah, which is after the death of the whole universe but Allah is the only One that will always exist. He will not die. In Akhirah, every human and genies will be asked about their good and evil deeds. They will be judged upon all their previous actions during their worldly life. The believers with good deeds will enter Paradise and the non believers with evil deeds will enter The Hell, may Allah protects us from the heat of its smoke.

The Sixth, A believer should believe that the entire good and bad destinies are all from Allah the All Mighty.

Furthermore, you need to know that the most acceptable sources of Islam after Al-Quran is Al-Hadits which is the words of Prophet Muhammad, may peace be upon him. From his words, we can understand Al-Quran and act upon the teachings.

The actions of the Prophet Muhammad are called Sunnah and it is the examplary complete code of how to live and how to die for the true believers. There are numerous compilation books of Hadits such as Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sahih Tirmizi, Sunan Abu Daud, Sunan Ibnu Majah and Sunan Nasa'i. The translations of these famous books of Hadits are available in many languages and you can also find it in English.

I pray to Allah, may He guide you to become one of His true servants and to serve Him faithfully for your remaining years. May Allah make you as the source of guidance to your people and to the whole community of Muhammad till the Last Day.

For this poorest servant, i have nothing to ask from you except your sincere prayer of forgiveness for the whole community of Muhammad.

Regards,

Faqir Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi

SURAT KESERATUS SEBELAS

Use the Google's Translator to get some of the meanings.

Kepada Enrique Riesco, Chile

May Allah guide you towards His Ultimate Essence. My publications mostly are written in Melayu Language or Standard Bahasa Malaysia which is very similar to Bahasa Indonesia. You can use the Google's Translator to get some of the meanings and you can ask me if you don't understand regarding certain issues. May Allah guide you towards the straight path.

SURAT KESERATUS DUABELAS

Information regarding Rabbi Rambam. He is Musa Ibni Maimun, a Jewish scholar and philosopher.

Kepada Enrique Riesco, Chile

May Allah guide those who need the guidance.

Thank you for the information regarding Rabbi Rambam. He is Musa Ibni Maimun, a Jewish scholar and philosopher. I found the book Dalalat Hairin which was written in Hebrew, but I can't read it. The original was written in Arabic but i couldn't find it. An English translation is already in my scribd reading list. Good luck to you too.

SURAT KESERATUS TIGABELAS

Allah Ta'ala hamen raham karey.

Kepada Peer Bhai (RLR-S49)

29hb September 2011

Allah Ta'ala hamen raham karey, Amin.

SURAT KESERATUS EMPATBELAS

Rabitah, apna jisim ko apne Syaikh ka jisim tasawwur karey.

Kepada Peer Bhai (RLR-S50)

25hb Oktober 2011

Wa'alaikumussalam Warahmatullah, Alhamdulillah, yeh bandah khairiyat sey hai. Alhamdulillah, Rabitah ki atsar payi, Allah Ta'ala ham sabko raham karey. Amin. Babaji ney is haqir sey farmaya keh Rabitah, apna jisim ko apne Syaikh ka jisim tasawwur karey. Das sal key ba'ad, is ki atsar mujhe ihsas hai.

Alhamdulillahi 'Ala Hazihi Ni'mah.

SURAT KESERATUS LIMABELAS

Solat Istikharah dan banyakkan berdoa KehadhratNya.

Kepada Farid Zulkifli

27hb Mei

Salam, lakukanlah Solat Istikharah dan banyakkan berdoa KehadhratNya.

SURAT KESERATUS ENAMBELAS

Tawajjuhkan segenap pemerhatian terhadap Para Masyaikh dalam Silsilah Zahabiyyah 'Aliyyah Khwajaganiyyah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah Uwaisiyyah, khasnya terhadap Ruh Al-Arwah Hadhrat Sayyidina Wa Maulana Muhammad Mustafa Ahmad Mujtaba 'Abdullah Wa Rasulullah Sallallahu Ta'ala 'Alaihi Wa Aalihi Wa Sahbihi Wa Ikhwanihi Al-Kiram Ajma'in.

Kepada Haiza Adli, Kedah (RLR:S54)

5hb Julai 2011

Salamun 'Alaikum Warahmatullah, semoga Allah merahmati dan memberkati kamu.

Peristiwa yang kamu alami juga turut dialami oleh seorang murid faqir di Indonesia, mungkin Para Masyaikh Wahdat Wujud dan Wahdat Shuhud turut bersama dalam Alam Ruhaniah kamu. Tawajjuhkan segenap pemerhatian kamu terhadap Para Masyaikh dalam Silsilah Zahabiyyah 'Aliyyah Khwajaganiyyah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah Uwaisiyyah, khasnya terhadap Ruh Al-Arwah Hadhrat Sayyidina Wa Maulana Muhammad Mustafa Ahmad Mujtaba 'Abdullah Wa Rasulullah Sallallahu Ta'ala 'Alaihi Wa Aalihi Wa Sahbihi Wa Ikhwanihi Al-Kiram Ajma'in.

SURAT KESERATUS TUJUHBELAS

Nisbat Awal dalam Tariqah Ruhaniyyah dari Hadhrat Allah dengan tarikan JazbahNya untuk mengingati Hadhrat ZatNya dengan segala Kaifiyat yang Zahir dan yang Batin bagi menghasilkan Ma'rifat berkenaan Hadhrat ZatNya yang Maha Dekat.

Kepada Haiza Adli, Kedah

6hb Julai 2011

Alhamdulillah, dengan Fadhzal kurniaan Allah terhadap faqir haqir ini, telah menerima Nisbat Awal dalam Tariqah Ruhaniyyah dari Hadhrat Allah dengan tarikan JazbahNya untuk mengingati Hadhrat ZatNya dengan segala Kaifiyat yang Zahir dan yang Batin untuk menghasilkan Ma'rifat berkenaan Hadhrat ZatNya yang Maha Dekat yang tiada diketahui sebarang tentang KaifiyatNya, dan faqir telah menerima Nisbat Batin dari Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam semenjak berusia sepuluh tahun dan sehingga ketika faqir dalam usia sembilan belas tahun, faqir telah menerima limpahan Nisbat Batin dari Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, Hadhrat Syeikh Yusuf Siddiq Rahmatullah 'Alaih dan Hadhrat Sultan Al-'Arifin Syeikh Ismail Ahli Pulau Besar Rahmatullah 'Alaih yang merupakan cicit Hadhrat Ghawths Al-A'zam Syeikh 'Abdul Qadir Al-Jailani Rahmatullah 'Alaih secara Uwaisiyyah dan faqir juga telah menerima Nisbat Batin Tariqah Qadiriyyah dari Hadhrat Syeikh Ismail Kanni Sahib Nagori Qaddasallahu Sirrahu di Pulau Besar pada tahun 1991.

Jemaah Para Wali Sembilan adalah generasi yang datang sesudah Jemaah Para Wali Tujuh, dan Alhamdulillah, faqir ini memiliki pertalian darah dengan mereka menerusi Hadhrat Sayyid Al-Kubra Rahmatullah 'Alaih. Untuk pengetahuan kita, Para Sunan Wali Sembilan adalah generasi yang datang sesudah generasi keturunan kita dan maksud mereka hadir di Alam Mitsal kita mungkin adalah untuk melimpahkan Nisbat Batin mereka kepada kita, meskipun ibarat setitis air limpahan Nisbat dari mereka akan menghidupkan sebutir bijian sehingga dapat menumbuhkan benih.

Wallahu A'lam Wa 'Ilmuhu Atamm, Wassalam Wal Ikram.

Az Faqir Ar-Rowi 'Afa 'Anhu.

SURAT KESERATUS LAPANBELAS

Duduk seketika dan beradab Suhbah dengan seseorang Wali Allah adalah lebih bernilai dari segala emas, perak dan seisi dunia. Menerusi Tawajjuh Rabitah Murshid, Murid akan dapat terus meminum limpahan Faidhz darinya dan dari sekelian Para Akabirin Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah meskipun dibatasi dengan masa, jarak dan tempat. Ta'arruf kitab Nazam Syarif Fi Mukhtasar Manaqib Hadhrat Syeikh Muhammad Musa Ar-Ruhani Al-Bazi Rahmatullah 'Alaih. Silsilah Hadhrat Maulana ‘Abbas ‘Ali Rahmatullah 'Alaih dari Hadhrat Maulana Lutfullah Rahmatullah 'Alaih dari Hadhrat Maulana ‘Abdul Ghafur ‘Abbasi Rahmatullah 'Alaih dari Hadhrat Maulana Fazal ‘Ali Quraishi sampai kepada Hadhrat Khwajah Haji Muhammad Sirajuddin Rahmatullah 'Alaih.

Kepada Bahrain, Perth, Australia.

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh.
Bismillahir Rahmanir Rahim.
Nahmaduhu Wa Nusolli 'Ala Rasulihil Karim, Amma Ba'du;

Dari hamba yang dhaif faqir haqir Jalaluddin Ahmad semoga Allah mengampuninya, kehadhrat saudara Bahrain di Perth, Australia semoga Allah merahmatimu dan menetapkan perjalananmu atas perjalanan Tariqat 'Aliyyah Naqhbandiyyah Mujaddidiyyah sehingga ke akhir hayat. Alhamdulillah, faqir di sini dalam keadaan sihat sejahtera menerima segala kurniaan dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Terima kasih kerana sudi bertanya khabar tentang faqir ini. Bersyukurlah kepada Allah kerana telah berpeluang menziarahi seorang Wali Allah yang telah mencapai martabat Qayyumiyat ketika kamu masih di dunia. Duduk seketika dan beradab Suhbah dengannya adalah lebih bernilai dari segala emas, perak dan seisi dunia. Semoga Allah merahmati dan memberkati Maulawi Aswadi kerana telah memimpin dirimu untuk hadir menziarahinya di Khanqah Sirajiyah, Mianwali. Faqir ini telah berkesempatan hadir di sana beberapa kali sewaktu menuntut di Pakistan dan telah berpeluang bersuhbah dengannya, menghadiri masjlisnya dan dengan kurniaan Allah telah berpeluang bersafar dengannya ke Musa Zai Syarif menziarahi Maqam Hadhrat Khwajah Haji Dost Muhammad Qandahari, Hadhrat Khwajah Haji Muhammad 'Utsman Damani dan Hadhrat Khwajah Haji Muhammad Sirajuddin Rahimahumullahu Ta'ala. Alhamdulillah, nama faqir ini sering disebut-sebut di sana kerana sudah begitu lama tidak hadir dengan jasad tubuh badan semenjak sembilan tahun yang lalu, namun hati dan ruhani hamba sentiasa teringatkan Khanqah Sirajiyah dan sentiasa hadir menghadap Ruh Hadhrat Khwajah Khan walau di mana saja faqir ini berada. Dengan Rahmat Allah menerusi Tawajjuh Rabitah Murshid, dapatlah faqir ini terus meminum limpahan Faidhz darinya dan dari sekelian Akabirin Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah meskipun dibatasi dengan masa, jarak dan tempat. Semoga Allah mengekalkan nikmat ini, Amin. Mohon disampaikan Salam faqir ini kepada saudara Muadz jika berkesempatan bertemu dengannya dan terima kasih kerana masih mengingati faqir dan menyimpan buku ***Nazam Syarif Fi Mukhtasar Manaqib Hadhrat Syeikh Muhammad Musa Ar-Ruhani Al-Bazi Rahmatullah 'Alaih*** karangan hamba. Terima kasih juga kerana sudi membaca koleksi buku-buku dan karangan hamba di scribd.com yang kebanyakannya berkisar tentang Tariqat Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah yang hamba petik dari karangan Para Masyaikh Akabirin Silsilah 'Aliyyah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah.

Alhamdulillah, silsilah saudara menerusi Hadhrat Maulana ʻAbbas ʻAli Rahmatullah 'Alaih, Hadhrat Maulana Lutfullah Rahmatullah 'Alaih, Hadhrat Maulana ʻAbdul Ghafur ʻAbbasi Rahmatullah 'Alaih dan Hadhrat Maulana Fazal ʻAli Quraishi sampai kepada Hadhrat Khwajah Haji Muhammad Sirajuddin Rahmatullah 'Alaih manakala silsilah faqir ini adalah dari beliau lalu sampai kepada Hadhrat Khwajah Maulana Abu As-Sa'ad Ahmad Khan Rahmatullah 'Alaih lalu sampai kepada Hadhrat Khwajah Maulana Muhammad 'Abdullah Rahmatullah 'Alaih lalu sampai kepada Hadhrat Khwajah Khwajagan Maulana Khan Muhammad Sahib Rahmatullah ʻAlaih dan daripadanya faqir ini telah memperolehi segala Nisbat Naqshbandi Mujaddidi. ***Wala Haula Wala Quwwata Illa Billah.***

Buat masa ini, faqir menetap di Selayang, Selangor dan boleh dihubungi menerusi e-mail dan telefon untuk sebarang urusan yang berkaitan dengan Tariqat. Nombor telefon faqir ini ialah: 012-6594811 dan nombor telefon Maulawi Aswadi yang kini sedang berada di

Kelantan ialah: 012-6941920. Adapun berkenaan buku-buku faqir, ianya boleh dimuat-turun secara percuma dan faqir izinkan untuk dicetak kerana buat masa ini ianya belum lagi diterbitkan dalam bentuk buku kertas. Harapan faqir adalah doa dari para pembaca dan penerimaan di sisi Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam menjalankan usaha khidmat untuk Agama dan Ummat Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam dengan niat seluruh alam sehingga Hari Qiyamat.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullah.

Faqir Haqir Jalaluddin Ahmad

SURAT KESERATUS SEMBILANBELAS

Terima kasih atas ucapan Takziah kembalinya Hadhrat Khwajah Khan Muhammad Sahib ke Rahmatullah.

Kepada Bahrain, Australia

Bismillahi Wassolatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa Ba'du;

Terima kasih atas ucapan Takziah kembalinya Hadhrat Khwajah Khan Muhammad Sahib ke Rahmatullah. Semoga Allah sentiasa merahmatinya dan menempatkannya di tempat yang tinggi bersama sekelian Para Salihin dan Akabirin Mujaddidiyah, Amin Ya Rabbal 'Alamin.

SURAT KESERATUS DUAPULUH

Apabila sekumpulan manusia yang berkumpul semata-mata kerana Allah lalu duduk berzikir, Para Malaikat yang ditugaskan untuk mencari-cari majlis-majlis ilmu dan zikir akan mendatangi mereka dari segenap arah dan akan saling berpanggil-panggilan dengan rakan-rakan mereka yang lain ketika menemui majlis yang seumpamanya. Setiap anak Adam akan ditanya tentang bagaimana dia mempergunakan masa mudanya dan antara pertanyaan yang amat ditakuti oleh Sahabat iaitu Hadhrat Abu Darda Radhiyallahu 'Anhu ialah, "Dengan ilmu pengetahuan yang telah Allah anugerahkan kepada kamu, adakah kamu bertindak menurut apa yang telah kamu tahu?" Allah yang telah meletakkan kita dalam berbagai-bagai Ahwal dan keadaan. Saranan agar sentiasa berusaha untuk menjadikan diri sebagai contoh teladan yang baik untuk kaum keluarga dan masyarakat. Hanya Yaqin yang bulat terhadap Allah sahaja yang akan dapat menghasilkan pertolongan Nusrah Ghaib dari sisiNya.

Kepada Muhammad Tahair Abdul Rahman

Salamun 'Alaikum,

Semoga Rahmat Allah sentiasa terlimpah ke atas mereka yang bertemu dan berpisah semata-mata kerana Allah. Alhamdulillah, faqir di sini sejahtera adanya. Ahwal di Khanqah pun berjalan seperti biasa. Perkembangan terbaru setakat ini, faqir sedang berusaha menghidupkan majlis zikir di perkampungan Wira Damai, Pinggiran Batu Caves. Pada bulan lepas, seorang tua di kampung tersebut telah menunjukkan kepada faqir ini sebuah gua yang tersembunyi di perbukitan Batu Caves. Setelah faqir meninjau keadaan gua tersebut, ianya amat sesuai untuk dijadikan tempat beruzlah atau berkhalwah atau mengadakan majlis zikir. Alhamdulullah, pada malam 1 Rejab 1431 yang lepas, faqir serta beberapa Ekhwan Naqshband yang lain telah pun merasmikan gua tersebut pada jam 12:00 malam dengan mengadakan majlis zikir secara Jihri di dalam gua tersebut. Dengan berkat perasmiannya, faqir telah menamakan gua tersebut sebagai Gua Rejab bersempena bulan Rejab yang mulia.

Alhamdulillah, pada malam 11, 12 dan 13 Rejab yang lalu juga, faqir dan beberapa ekhwan telah diberikan taufiq untuk berzikir di sana secara jihri dengan berjemaah. Dengan Rahmat Allah, amalan zikir dan Muraqabah dapat faqir terapkan di situ. Alhamdulillah, setakat ini Allah telah mengurniakan dua buah tempat sebagai Khanqah untuk faqir melaksanakan kegiatan Tazkirah, Tasfiyah dan Tazkiyah. Pada sebelah siang sehingga sesudah 'Asar, faqir sering berada di Khanqah Naqshbandiyah Ulu Yam, manakala pada sebelah malam yang bermula dari Maghrib sehinggalah ke lewat malam, faqir sering berada di Khanqah Naqshbandiyah Wira Damai. Faqir sedang memohon keupayaan untuk menghidupkan amalan Khanqah secara tetap dan Istiqamah.

Faqir ini bercadang hendak mengadakan perhimpunan kecil ekhwan-ekhwan yang hampir, bersempena sambutan hari Israk Mikraj pada 10 Julai 2010 di Khanqah Naqshbandiyah Ulu Yam dari waktu tengahari sehingga Maghrib. Kemudian, pada sebelah malamnya, faqir akan berada di Khanqah Naqshbandiyah di Wira Damai sebelum mengadakan majlis zikir di Gua Rejab sesudah Solat 'Isyak. Majlis Zikir akan berlangsung selama 1 atau 2 jam. Namun, jika masa masih belum cukup terlapang untuk hadir ke majlis kami, ingatlah kami di dalam Doa-doa kamu, mudah-mudahan Allah Ta'ala mengurniakan kita Rahmat untuk menghidupkan dan mensuburkan taman-taman Syurga, agar dengannya dapatlah kita dan sekelian saudara kita menikmati segala kenikmatan buah-buahan yang ada di dalamnya dengan sepuas-puasnya. Penerimaan dari sisi Allah usahlah diragui kerana, apabila sekumpulan manusia yang berkumpul semata-mata kerana Allah lalu duduk berzikir, maka Para Malaikat yang ditugaskan untuk mencari-cari majlis-majlis ilmu dan zikir, akan mendatangi mereka dari segenap arah dan akan saling berpanggil-panggilan dengan rakan-rakan mereka yang lain ketika menemui majlis yang seumpamanya. Para Malaikat akan saling bertindih-tindihan sehingga ke langit kerana menyertai jemaah yang sedang duduk berzikir memuji-muji kebesaran Allah, mengagungkan NamaNya dan mensucikanNya serta menselawatkan ke atas Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Jika masa agak terhad kerana perlu menguruskan urusan keluarga dan rumahtangga, maka bersabarlah dan berdoalah memohon kelapangan masa agar dapat dimanafaatkan untuk tujuan usaha Agama. Setiap anak Adam akan ditanya tentang bagaimana dia

mempergunakan masa mudanya dan antara pertanyaan yang amat ditakuti oleh Sahabat iaitu Hadhrat Abu Darda Radhiyallahu 'Anhu ialah, "Dengan ilmu pengetahuan yang telah Allah anugerahkan kepada kamu, adakah kamu bertindak menurut apa yang telah kamu tahu?" Demikianlah keadaan seorang Sahabat yang sentiasa berdamping dengan Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, namun masih berasa Khauf untuk berhadapan dengan Hadhrat Allah subhanahu Wa Ta'ala. Uruskanlah urusan rumahtangga dengan baik dan lakukan segala amalan khidmat semata-mata mengharapkan keredhaan Allah Ta'ala.

Allah yang telah meletakkan kita dalam berbagai-bagai Ahwal dan keadaan. Dalam setiap Ahwal mahupun keadaan sentiasa bertawajuh Kehadhrat Allah dan hindarkan sebarang Tawajjuh terhadap segala sesuatu yang selainNya. Kita perlu melatih diri bagi menghasilkan kekuatan Tawajjuh, kerana dengan kekuatan Tawajjuh akan dapat menarik bantuan serta Rahmat dari Allah Ta'ala. Sentiasa berusaha untuk menjadikan diri kita sebagai contoh teladan yang baik untuk kaum keluarga dan masyarakat. Semoga segala khidmat kamu untuk saudara mara dan kaum keluarga akan mendapat ganjaran yang besar dari Allah.

Tentang hal adik ipar kamu, teruskanlah berdoa, berikhtiar dan bertawajjuh Kehadhrat Allah Ta'ala, kerana segala kekuasaan ada di TanganNya dan Dialah Yang Maha Berkuasa membolak-balikkan hati manusia. Hanya Yaqin yang bulat terhadap Allah sahaja yang akan dapat menghasilkan pertolongan Nusrah Ghaib dari sisiNya. Allah mahu supaya kamu dan ahli keluarga menjadi lebih sabar, kerana Allah adalah sentiasa berserta dengan orang-orang yang Sabar. Dengan Doa seorang hamba yang beriman, ianya mampu mengubah Taqdir Allah Ta'ala. Mudah-mudahan Allah menjodohkannya dengan seorang lelaki yang Salih dan memperbaiki hubungan Silatur Rahim yang telah rosak dan yang terputus. Akhir kata dari faqir, Salam Sejahtera.

'Abdu Dhaif,

Faqir Jalaluddin Ahmad

SURAT KESERATUS DUAPULUH SATU

Allah Ta'ala blesses all the great effort to establish the Awliya Allah community in this world to strengthen the religion of Islam and to protect the secrets of Iman and Ihsan of how to attain the gnostic Ma'rifat of Allah's essence, actions, qualities and pure love of His Mahabbat and pure servitude of His Ma'abudiyyat, the lord of the heavens and earths, the educator of the entire creations, the sustainer of the entire universe. Khwajagan Naqshband Mujaddidan precedes the Jazbah attractions before travelling in the Suluk spiritual journey vertically towards his divine presence. All praises and glorifications are belongs to Allah Rabbul-'Alamin.

Kepada Hadhrat Syaikh Taoshobudhha, Trinidad & Tobago.

Hadhzrat Sufi Ji,

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, this faqir feels very happy deep inside the heart when receiving your email along with all the good news from you launching the international journal of Naqshbandi Tariqat. Congratulations for all the books that you have already published and distributed in the west under your pen name. May Alah Ta'ala blesses all the great effort to establish the Awliya Allah community in this world to strengthen the religion of Islam and to protect the secrets of iman and ihsan of how to attain the gnostic ma'rifat of Allah's essence, actions, qualities and pure love of his mahabbat and pure servitude of his Ma'abudiyyat, the lord of the heavens and earths, the educator of the entire creations, the sustainer of the entire universe. All praises and glorifications are belongs to Allah, Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin.

Thank you very much for the great opportunity and the invitation that you offer me to become as one of the editors and contributors in The International Journal of Naqshbandi Tariqat. With the purpose to bring awareness about Naqshbandi Tariqat and its advent in the indian sub continent, it is a great service especially to our Hadhzarat Khwajagan and Piran Naqshband Mujaddidan, because they are the illuminating lights that brightens throughout the universe, who prepared themselves to become attracted by the attractions of allah and attract other people to get attracted by Allah. Our Khwajagan Naqshband Mujaddidan precedes the Jazbah attractions before travelling in the suluk spiritual journey vertically towards his divine presence. I have read the excerpt of the journal and thank you for introducing me to your friend Mr. Surendra Ghai, the managing director of sterling publishers. Thank you also for noticing me that he will be in Malaysia from Dec 29/2010 - Jan 2/2011. In Sya Allah i will get in touch with him when he reaches here. I have some book in English to be published and i will present the manuscript copy to him. May Allah Ta'ala shower us with his blessings and may he takes some efforts from us to strengthen the shari'at, tariqat, ma'rifat and haqiqat of our hadhzrat beloved Muhammad Al-Mustafa Rasulullah Wa Ahmad Al-Mujtaba 'Abdullah Wa Habibullah. Peace is upon him, his family, his companions and those who follow him with sincere obedience. Wassalam.

Hadhzrat Faqir Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi Al-Amani 'Afa 'Anhu

SURAT KESERATUS DUAPULUH DUA

Berkenaan siang dan malam yang perlu diperhatikan. Orang-orang yang berfikir adalah mereka yang berakal. Seluruh orang yang beriman itu adalah Ikhwah iaitu bersaudara. Setiap orang beriman perlu bantu-membantu atas dasar kebaikan dan Taqwa. Allah telah menciptakan beberapa lapisan langit dan segala kejadian yang ada pada setiap lapisan langit tersebut seperti Para Malaikat, matahari, bulan, bintang-bintang dan sebagainya. Allah telah menciptakan bumi dengan berbagai lapisannya serta segala kejadian yang terkandung dalam setiap lapisan tersebut seperti haiwan yang hidup melata dan bergantungan di atasnya dan yang hidup di bawah setiap lapisannya. Orang-orang yang bertaqwa adalah mereka yang beriman dengan Zat Ghaib Mutlaq Hadhzrat Allah 'Azza Wa Jalla dan mendirikan Solah untuk mengingati Hadhzrat ZatNya serta menafkahkan rezeki yang telah Allah kurniakan kepada mereka pada jalan menegakkan Syari'at AgamaNya. Orang

bertaqwa adalah orang yang berakal kerana mereka menggunakan segala kemampuan yang ada pada diri mereka untuk menghayati bukti-bukti tanda Kebesaran Allah. Perumpamaan Allah pada menjelaskan kekuasaanNya dalam penciptaan langit dan bumi, siang dan malam dengan matahari, bulan dan bintang dan perkaitannya dengan manusia.

Kepada Firdaus Datuk Zaman, Jakarta, Indonesia.

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Nahmaduhu Wa Nusolli Wa Nusallim 'Ala Rasulihil Karim,

Amma Ba'du;

Dari faqir haqir la syaik miskin Jalalluddin Ahmad 'Afa 'Anhu kehadhzrat Akhi Firdaus Datuk Zaman di Jakarta, Indonesia semoga Allah mengurniakan kamu dengan Hidayah yang terang dan telus serta mendapat bimbingan ke jalan yang lurus.

Berkenaan siang dan malam yang perlu diperhatikan. Sesungguhnya memang terdapat berbagai hikmah dalam gesaan Allah Ta'ala terhadap hamba-hambaNya yang beriman agar sentiasa memerhatikan dan memikirkan tentang perubahan siang dan malam supaya mereka dapat melihat tanda-tanda kebesaran Allah dan waktu-waktu yang tertentu untuk mengingati Allah sebagaimana FirmanNya dalam Surah Al-Baqarah ayat 164:

"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati keringnya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; sungguh terdapat tanda-tanda keesaan dan kebesaran Allah bagi kaum yang memikirkan."

Dalam Surah Ali 'Imran pada ayat 190 Allah Ta'ala berfirman:

"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal."

Orang-orang yang berfikir adalah mereka yang berakal. Orang yang berakal adalah mereka yang sentiasa membuat persediaan kembali kepada Allah untuk dirinya dan untuk seluruh manusia secara umumnya dan untuk seluruh Ummat Muslimin secara khususnya. Bersabda Hadhzrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bermafhum,

"Mencintai terhadap manusia adalah separuh akal."

Dan sabda Baginda,

"Tiada sempurna Iman seseorang kamu sehinggalah dia mencintai untuk saudaranya apa yang dicintai untuk dirinya."

Kerana sesungguhnya seluruh orang yang beriman itu adalah Ikhwah iaitu sebagai bersaudara. Setiap orang-orang beriman perlu bantu membantu atas dasar kebaikan dan taqwa, kerana perkara kebaikan adalah bersifat zahir manakala perkara ketaqwaan adalah

bersifat batin. Atas dasar keimanan, dasar ilmu pengetahuan dan amalan kesalihan yang dapat mendekatkan diri kita Kehadhzrat Allah, maka perlulah kita sentiasa saling bantu membantu kerana dengan menzahirkan perkara kebaikan atas dasar-dasar tersebut akan membawa kita kepada ketaqwaan. Allah Ta'ala berfirman dalam Surah Yunus ayat 6:

"Sesungguhnya pada pertukaran malam dan siang itu dan pada apa yang diciptakan Allah di langit dan di bumi, benar-benar terdapat tanda-tanda kekuasaanNya bagi orang-orang yang bertaqwa."

Orang-orang beriman yang bertaqwa wajib memerhatikan segala perubahan siang dan malam yang berlaku sebagai menanamkan Kebesaran dan Kekuasaan Allah yang mentadbir seluruh alam semesta. Perubahan siang dan malam yang pergi dan datang adalah bukti yang jelas bahawa Allah Maha Berkuasa mentadbirkan alam. Pada sesetengah tempat di atas muka bumi ini terdapat tempat yang mengalami siangnya yang panjang dan ada yang pendek, begitu juga dengan malam, ada yang mengalami masa malam yang panjang dan ada tempat yang mengalami masa malam yang pendek. Allah telah menciptakan beberapa lapisan langit dan segala kejadian yang ada pada setiap lapisan langit tersebut seperti Para Malaikat, matahari, bulan, bintang-bintang dan sebagainya. Allah telah menciptakan bumi dengan berbagai lapisannya serta segala kejadian yang terkandung dalam setiap lapisan tersebut seperti haiwan yang hidup melata dan bergantungan di atasnya dan yang hidup di bawah setiap lapisannya. Allah telah menjadikan gunung-ganang, bukit-bukau, lautan dan sungai, pohon-pohon dan rumput-rampai sehinggalah kepada kejadian sekelian zarrah di atas muka bumi ini adalah sebagai dalil atas kekuasaan Qudrat Allah Ta'ala bagi orang yang bertaqwa kepadaNya.

Orang-orang yang bertaqwa adalah mereka yang beriman dengan Zat Ghaib Mutlaq Hadhzrat Allah 'Azza Wa Jalla dan mendirikan Solah untuk mengingati Hadhzrat ZatNya serta menafkahkan rezeki yang telah Allah kurniakan kepada mereka pada jalan menegakkan Syari'at AgamaNya. Orang-orang yang bertaqwa juga adalah mereka yang sentiasa beriman dengan Al-Quran sepertimana yang telah diturunkan kepada Hadhzrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu Ta'ala 'Alaihi Wa 'Ala Alihi Wa Ashabihi Wabaraka Wasallam secara Tafsil dan beriman dengan apa yang telah diturunkan kepada Para Nabi yang terdahulu secara Ijmal serta beriman dengan kehidupan Akhirat.

Mereka yang bertaqwa adalah mereka yang sentiasa beroleh petunjuk Hidayah dari Allah, Tuhan Yang Maha Memelihara mereka dan yang memberikan kejayaan kepada mereka di Dunia mahupun di Akhirat. Orang bertaqwa adalah sebenarnya orang yang berakal kerana mereka menggunakan segala kemampuan yang ada pada diri mereka untuk menghayati bukti-bukti tanda Kebesaran Allah yang telah dizahirkanNya menerusi alam maya yang terbentang. seluruh alam merupakan Mazhar alat penzahiran segala bukti kesempurnaan Sifat Allah dan PerlakuanNya.

Mereka sentiasa mengingati Allah siang dan malam dan sentiasa memerhatikan waktu-waktu yang difardhzukan beribadah dan waktu-waktu yang afdhzal untuk berzikir dan berdoa. Mereka inilah ***Ulil Albab*** yang merupakan kata jamak bagi ***Lubbun*** yang pada lughahnya bererti pati sesuatu, isi yang terkandung di dalam biji, yang berakal bersih dan

yang berhati bersih. Kalimah ***Labibun*** dengan kata jamaknya ***Alibba-u*** juga membawa makna yang berakal.

Kerana itu Para Jemaah Haji melaungkan kalimah Talbiyah, "Labbaika Allahumma Labbaika," sebagai menyatakan bahawa, "Sentiasa daku menurut perintah Engkau Ya Tuhanku, sehabis-habis ku turut dan ku kerjakan perintah Engkau Ya Tuhanku!". Kenyataan ini telah faqir perolehi daripada Qamus Al-Marbawi.Ulil Albab sepertimana yang dinyatakan Allah menerusi firmanNya dalam Surah Ali 'Imran ayat 191:

"Iaitu orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadan berbaring dan mereka sentiasa memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi seraya berkata: "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa Neraka."

Mengingati Hadhzrat Zat Allah dengan NamaNya Yang Teragung ataupun dengan mana-mana daripada Nama-NamaNya Yang Terbaik dalam keadaan sambil berdiri seperti dalam Solah mahupun di luar Solah, dalam keadaan duduk di dalam Solah mahupun di luar Solah atau dalam keadaan berbaring bagi mereka yang sudah terlalu uzur, yakni dalam setiap hal dan keadaan menurut kemampuan daya kekuatan yang dikurniakan Allah kepadanya adalah merupakan ciri-ciri orang yang bertaqwa kerana mereka menyedari tentang Qudrat kekuasaan Pencipta yang telah menciptakan langit dan bumi dan perubahan siang dan malam yang bukannya dengan sia-sia bahkan adalah atas kesempurnaan QudratNya. Berlandaskan kesedaran inilah mereka sentiasa mengingati Allah dan bertasbih mensucikanNya dari segala sifat kelemahan dan kekurangan dengan seruan doa mereka memohon keampunan agar terpelihara dari azab NerakaNya di siang dan di malam hari, ketika dalam Solah mahupun sesudah Solah. Allah Telah berfirman dalam Surah Hud ayat 114:

"Dan dirikanlah sembahyang itu pada kedua tepi siang iaitu pagi dan petang, dan pada bahagian permulaan daripada malam. Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik itu menghapuskan perbuatan-perbuatan dosa yang buruk. Itulah peringatan bagi orang-orang yang ingat."

Bersolah adalah bagi mensucikan Allah Subhanahu Wa Ta'ala pada waktu siang dan malam serta bersabar dalam menegakkannya sebagaimana firmanNya dalam Surah Taha ayat 130:

"Maka sabarlah kamu atas apa yang mereka katakan dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu ketika sebelum terbit matahari dan sebelum terbenamnya dan bertasbih pulalah pada waktu-waktu di malam hari dan pada waktu-waktu di siang hari supaya kamu merasa senang."

Pada hakikatnya, Allah telah menjadikan seluruh Jin dan Manusia adalah untuk beribadah kepadaNya dengan Ma'rifat yang sempurna bagi mensucikanNya pada setiap masa, amnya pada waktu siang hari dan khasnya di malam hari untuk memberikan kesenangan yang banyak kepada hamba-hambaNya yang beriman dan bertaqwa dalam kedua-dua kehidupan mereka. FirmanNya pada Surah Al-Muzammil ayat 7:

"Sesungguhnya kamu pada siang hari mempunyai urusan yang panjang banyak."

Dan firmanNya dalam Surah Al-Isra ayat 79:

"Dan pada sebahagian malam hari bersembahyang bertahajjudlah kamu sebagai suatu ibadah tambahan bagimu, mudah-mudahan Tuhanmu mengangkat kamu ke tempat yang terpuji."

Allah berfirman dalam Surah An-Naba ayat 10-11:

"Dan Kami jadikan malam sebagai pakaian. Dan Kami jadikan siang untuk mencari penghidupan."

Malam itu disebut sebagai pakaian kerana malam itu gelap menutupi jagat sebagaimana pakaian menutupi tubuh manusia. Siang merupakan masa untuk melakukan segala kegiatan mencari rezeki dan mengaturkan penghidupan kerana pada waktu siang adalah terang benderang bercahaya dengan kilauan sinar mentari dari pagi hingga ke petang. Lalu malam pun tiba sebagai masa untuk memberhentikan segala pekerjaan bagi beristirahat. FirmanNya dalam Surah Ghafir ayat 61:

"Allahlah yang menjadikan malam untuk kamu supaya kamu beristirahat padanya dan menjadikan siang terang benderang. Sesungguhnya Allah benar-benar mempunyai karunia yang dilimpahkan atas manusia, akan tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur."

Kejadian siang dan malam yang dihiasi matahari, bulan dan bintang adalah berkait rapat dengan kejadian langit dan bumi kerana kesan siang dan malam hanya dapat diperhatikan sama ada di langit mahupun di bumi. Jika seseorang terkurung dalam sebuah bilik yang tertutup rapat sehingga dia tidak dapat melihat langit ataupun bumi walau dengan kadar lubang jarum sekalipun, nescaya dia tidak akan dapat membezakan perubahan waktu siang dan malam. Siang bercahaya dengan sinaran cahaya matahari adalah merupakan suatu ibarat bagi menzahirkan Sifat Allah sebagai An-Nur iaitu Cahaya dan Al-Munawwir iaitu Yang Memberikan Cahaya. Sepertimana sifat cahaya matahari yang bersifat zahir dapat menerangi muka bumi, begitulah juga dengan Sifat Cahaya Allah yang bersifat batin dapat menerangi hati Para HambaNya yang beriman dengan Nur Hidayah. Cahaya Hidayah Allah bersinar terang ke atas cahaya keimanan yang ada pada hati Para HambaNya yang beriman. Allah yang membimbing sesiapa sahaja yang dikehendakiNya kepada Cahaya Petunjuk Hidayah iaitu mematuhi segala tuntunan Syari'at Islam. FirmanNya dalam Surah An-Nur ayat 35:

"Allah adalah Pemberi Cahaya kepada langit dan bumi. Perumpamaan cahaya Allah, adalah seperti sebuah lubang yang tak tembus yang di dalamnya ada pelita besar. Pelita itu di dalam kaca dan kaca itu seakan-akan bintang yang bercahaya seperti mutiara, yang dinyalakan dengan minyak dari pohon yang berkahnya, iaitu pohon zaitun yang tumbuh tidak di sebelah Timur sesuatu dan tidak pula di sebelah Baratnya, yang minyaknya saja hampir-hampir menerangi, walaupun tidak disentuh api. Cahaya di atas cahaya berlapis-lapis, Allah membimbing kepada cahayaNya siapa yang Dia kehendaki dan Allah memperbuat perumpamaan-perumpamaan bagi manusia dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."

Demikianlah perumpamaan Allah dalam menjelaskan kekuasaanNya dalam penciptaan langit dan bumi, siang dan malam dengan matahari, bulan dan bintang dan perkaitannya dengan manusia supaya manusia dapat beriman dengan Allah yang telah menciptakan sekelian kejadian tersebut kerana segala sesuatu adalah dalam pengetahuanNya. Penjelasan yang seterusnya akan menyusul. Insya Allah.

Wabillahi Taufiq Wal hidayah,

Wassalamu 'Alaikum Warahmatullah.

Az:

Faqir Haqir La Syaik Miskin,

Jalalluddin Ahmad 'Afa 'Anhu.

SURAT KESERATUS DUAPULUH TIGA

Secara umumnya sesudah seseorang murid datang mengambil Bai'ah, dia akan diberikan Talqin Zikir Ismu Zat iaitu lafaz "Allah", untuk dikerjakannya secara Khafi pada Latifah Qalb dan seterusnya pada kesemua Lataif Alam Amar dan Alam Khalaq.

Kepada Anwar Ali, Bukit Mertajam, Penang.

Bismihi Ta'ala.

Assalamu'alaikum Warahmatullah,

Dari faqir haqir Jalalluddin Ahmad 'Afa 'Anhu, kehadhrat saudara Anwar Ali, semoga Allah memberikan bimbingan dan dorongan kepadamu untuk mencari jalan pendekatan terhadap kehadiran Zat Tuhan. Maafkan faqir ini kerana agak lewat membalas hasrat pertanyaan tuan kerana tiada ruang kesempatan untuk menulis surat. Untuk pengetahuan tuan, faqir ini belum pernah mengajar di sebelah Penang.

Pengajian secara umum belum faqir lakukan kerana setakat ini para murid yang hadir kehadhrat kami amat memerlukan pengajian dan perhatian secara khusus. Secara umumnya, sesudah seseorang murid datang mengambil Bai'ah, faqir akan memberikan talqin zikir Ismu Zat iaitu lafaz Allah, untuk dikerjakannya secara Khafi pada Latifah Qalb dan seterusnya pada kesemua Lataif Alam Amar dan Alam Khalaq. Kemudian, faqir akan memerhatikan semangat kesungguhan serta kemampuan dan kelayakan setiap murid sebelum faqir memberikan Tawajjuh kepadanya secara khusus.

Buat masa ini, faqir sedang mengimarahkan Khanqah Khaliliyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah yang baru dibuka pada 1 Ramadhan 1431 H yang lepas bertempat di Gua Damai, Kampung Wira Damai, Gombak, Selangor. Amalan Zikir Khatam Mubarakah dan Tawajjuh seringkali dilakukan sesudah Solat Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak. Kuliah umum pembacaan Hadits Nabawiyah diadakan setiap hari sesudah Solat Zohor dan Maghrib

manakala kuliah khusus berkenaan Ilmu Tariqat dan Tasawwuf selalunya diadakan sesudah solat Isyak. Walaubagaimanapun, jadual tersebut bukanlah muktamad, ianya boleh berubah menurut keadaan dan kehadiran para murid.

Semoga Allah merahmati ruh gurumu, Pak Tuan Guru Wahab Khalifah Tariqat Ahmadiyah Syadziliyah. Faqir ini tidak berkesempatan mengenalinya. Berkenaan hasrat tuan dan rakan-rakan yang dahagakan limpahan ilmu tariqat dan makrifat atas jalan Naqshbandiyah Mujaddidiyah, sangatlah besar fadhilatnya jika dapat keluar daripada kampung halaman dengan beberapa ikhwan yang lain secara berjemaah dan hadirlah ke Khanqah kami di Gua Damai, Gombak, Selangor pada bila-bila masa yang tuan mahu. Faqir di sini akan menanti kedatangan tuan-tuan semua.

Adapun, dalam masa yang terdekat ini, faqir bercadang untuk ke Pulau Besar, Melaka bersama dengan jemaah murid Para Ekhwan Naqshband dari seluruh Malaysia. Kemungkinan besar juga kami akan singgah semalam di Madrasah Alam Nur di Kuala Linggi, Khanqah Syeikh Ahmad Qari An-Naqshbandi Rahmatullah 'Alaih. Jikalau tuan dan rakan ekhwan di sana hendak turut serta, maka amat di alu-alukan. Tarikh masih belum ditetapkan, namun tuan boleh berikan cadangan yang bersesuaian dengan kelapangan.

Untuk faqir ini datang ke Bukit Mertajam, pada masa ini mungkin agak sukar. Walaubagaimanapun, untuk pengetahuan tuan, ada seorang murid faqir ini yang tinggal di Bukit Mertajam. Nama beliau Nasiruddin Nasir. Beliau telah hadir selama sehari semalam di Khanqah 'Aliyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah yang bertempat di Aman Puri, Gombak. Beliau telah hadir untuk mengambil Bai'ah dan menerima talqin zikir khafi serta sempat bersuhbah dalam majlis zikir khatam mubarakah dan Tawajjuh serta majlis ta'alim berkenaan usul Tariqat Naqshbandiyah dari faqir haqir ini.

Andaikata tuan dan rakan ekhwan di sana dapatlah sekiranya hadir ke Khanqah Khaliliyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah hamba di Gua Damai Gombak, Selangor maka berkenanlah faqir ini mencurahkan segala limpahan yang ada di dada untuk dicurahkan ke dada-dada tuan dan rakan ekhwan dalam usaha mengenal diri dan membuka hijab.

Semoga Allah mengurniakan kepada kita limpahan ilmu Makrifat dan cinta Muhabbat yang sempurna tentang ZatNya sepertimana yang telah dilimpahkannya kepada sekelian Hadharat Masyaikh Kiram Arwah Muqaddasah Silsilah 'Aliyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah Qaddasallahu Asrarahumul 'Aliyyah.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah. Wassalamu 'Alaikum Warahmatullah.

Al-Faqir Jalaluddin Ahmad 'Afa 'Anhu

SURAT KESERATUS DUAPULUH EMPAT

Jawaban balasan Salam kepada Hadhrat Sheikh Abdul Karim Aydogan Fuat Al-Qubrusi Naqshbandi Haqqani iaitu Khalifah Hadhrat Sultan Awliya Khwajah Khwajagan Qutub Zaman Syeikh Nazim 'Adil Al-Qubrusi Al-Haqqani, semoga Rahmat Allah ke atas sekelian Para Ikhwan Naqshband di serata alam.

Kepada Ridwan Osmanli, Singapura

Bismillahir Rahmanir Rahim, Nahmaduhu Wa Nusolli Wanusallim 'Ala Rasulihil Karim,

Amma Ba'du;

Dari faqir haqir la syaik miskin Ar-Rowi, Jalalludin Ahmad Naqshbandi Mujaddidi 'Afa 'Anhu Wali Walidaihi, kehadhrat saudaraku Ridwan Osmanli Naqshbandi Mujaddidi Haqqani, semoga Allah merahmati dirimu dan Tuan Gurumu Hadhrat Sheikh Abdul Karim Aydogan Fuat Al-Qubrusi Naqshbandi Haqqani Khalifah Hadhrat Sultan Awliya Khwajah Khwajagan Qutub Zaman Syeikh Nazim 'Adil Al-Qubrusi Al-Haqqani dan semoga Rahmat Allah ke atas sekelian Para Ikhwan Naqshband di serata alam.

Faqir ini telah menerima Salam yang penuh berkah dari tuan hamba dan semoga Allah melimpahkan Rahmat Salam kesejahteraan ke atas dirimu, Hadhrat Sheikhmu, Hadhrat Tuan Guru Sheikhmu dan sekelian Hadharat Para Masyaikh Silsilah 'Aliyah Naqshbandiyah dengan sekelian Usul dan Furu'nya serta Khulafanya, serta ke atas sekelian Ikhwan Naqshbandiyah di seluruh alam sehingga ke Hari Qiyamat sebagaimana Salam kesejahteraan juga turut terlimpah ke atas Hadhrat Junjungan Besar dan Mulia, Nabi Muhammad Mustafa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Terima kasih kerana menjemput faqir yang hina ini ke Dergah Haqqaniyah yang mulia di Johor, Singapura dan Amerika. Insya Allah jika diizinkan Allah, dapatlah kita selalu bertemu dan berpisah kerana Allah. Mudah-mudahan Allah merahmati kita dengan naugan RahmatNya di Hari Kemudian kelak.

Akhir kata, sampaikan Salam yang khusus dari faqir yang hina ini kepada Tuan Gurumu Hadhrat Sheikh Abdul Karim Aydogan Fuat Al-Qubrusi Naqshbandi Mujaddidi Haqqani Khalifah Hadhrat Sultan Awliya Khwajah Khwajagan Qutub Zaman Syeikh Nazim 'Adil Al-Qubrusi Al-Haqqani dan sekelian Ikhwan di sana, mudah-mudahan kita sentiasa dilimpahkan dengan limpahan kurniaan Faidhz dari Allah menerusi keberkatan sekelian Para Masyaikh Silsilah 'Aliyah Naqshbandiyah, Amin.

Wassalam Wal Ikram.

Faqir Haqir La Syaik Miskin Fani,

Maulawi Jalalludin Ahmad Ar-Rowi 'Afallahu 'Anhu Wa 'An Walidaihi.

SURAT KESERATUS DUAPULUH LIMA

Sesungguhnya tiada bergerak walau sebutir zarrah melainkan dalam 'Ilmu Allah dan dengan KeizinanNya belaka. Saranan membaca buku yang berjudul "Asas-Asas Tariqah Naqshbandiyah Mujaddidiyah" dan melakukan Solat Taubat, Hajat dan Istikharah untuk meminta Imdad Ruhaniyyah dan petunjuk Hidayah dari Allah Jalla Jalaluhu.

Kepada Nizam Omar, Pahang

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh,

Dari fari haqir yang tiada apa-apa lagi miskin Jalalludin Ahmad 'Afa 'Anhu, kehadhrat saudara Nizam Omar, semoga Allah merahmatimu dengan nikmat sepertimana yang telah dikurniakanNya kepada mereka yang terdahulu dalam keimanan, amalan Salih dan ketaqwaan. Sesungguhnya tiada bergerak walau sebutir zarrah melainkan dalam 'Ilmu Allah dan dengan KeizinanNya belaka.

Adapun berkenaan hasrat kamu untuk mempelajari Tariqat hamba yang faqir haqir ini adalah Silsilah 'Aliyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah yang faqir terima dari Hadhrat Khwajah Khwajagan Pir Piran Qutub Dauran Burhan Naqshband Sayyidina Wa Maulana Khwajah Khan Muhammad Sahib Rahmatullah 'Alaih di Khanqah Sirajiyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah, Kundiyan Sharif, Mianwali, Pakistan yang mana dengan Rahmat Allah, semenjak tahun 1999 faqir berpeluang bersuhbah selama 40 hari di bulan Ramadhan disamping beliau di sana dan telah berpeluang bersafar dengannya pada Hari Raya Kedua dari Khanqah Sirajiyah ke Khanqah Ahmadiyah Sa'idiyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah di Musa Zai Sharif, Dera Ismail Khan.

Faqir paparkan perkara ini demi menyatakan kerinduan faqir pada saat-saat berharga yang telah Allah kurniakan kepada faqir ini kerana dapat bersuhbah dengan Hadhrat Khwajah Khan Sahib Rahimahullah.

Andaikata kerinduan kamu untuk menuruti perjalanan Tariqat kami ini tiada dapat kamu bendung, maka hadirkanlah dirimu kehadharat kami di Khanqah Khaliliyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah, Kampung Melayu Wira Damai, Gombak, Selangor Darul Ehsan agar dapatlah kamu mengambil Bay'ah.

Sebagai Muqaddimah pendahuluan dan pengantar untuk kamu memahami perjalanan kami, sayugia disarankan kamu membaca buku yang berjudul "Asas-Asas Tariqah Naqshbandiyah Mujaddidiyah" dan risalah-risalah lain karangan kami yang dapat dicari dan dikenal pasti dengan kata kunci Ar-Rowi dan Naqshbandi Mujaddidi di scribd.com. Lakukanlah Solat Taubat, Hajat dan Istikharah untuk meminta Imdad Ruhaniyah dan petunjuk Hidayah dari Allah Jalla Jalaluhu. Wassalam Wal Ikram.

Faqir Haqir Al-Maulawi Jalalludin Ahmad Ar-Rowi

Ghaffarallahu Lahu Wali Walidaihi

SURAT KESERATUS DUAPULUH ENAM

Berkenaan Adab Berzikir dalam Tariqah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah. Cara duduk yang terbaik adalah sebagaimana duduk di dalam Solat dan duduk kebalikan Tawarruk adalah Sunnah Para Sahabat dan menurut perkataan sebilangan Masyaikh. Para Masyaikh Mujaddidiyah tidak menjadikan kain serban tutup kepala sebagai suatu amalan sebaliknya kain tersebut dililitkan di atas kepala sebagai menuruti amalan Sunnah Nabawiyyah.

Kepada Muhammad Nasir

Wa'alaikassalam, dari faqir haqir la syaik miskin Jalaludin Ahmad 'Afa 'Anhu kehadhrat saudara Muhammad Nasir semoga Allah memberikan kamu Rahmat dan Hidayat. Berkenaan Adab Berzikir dalam Tariqah Naqshbandiyah Mujaddidiyah tidaklah sebegitu ketat sebagaimana yang diamalkan oleh para pengikut Naqshbandiyah Khalidiyah kerana sistem dan disiplin yang telah diperkenalkan oleh Hadhrat Syeikh Khalid Baghdadi Rahmatullah 'Alaih ada mempunyai kelebihannya yang tersendiri dalam mempersiapkan Haiat Wahdani iaitu hidupnya Zikrullah dalam Sultanul Azkar pada Latifah Qalibiyah dan Zikir Kulli Jasad. Cara duduk yang terbaik adalah sebagaimana duduk di dalam Solat dan duduk kebalikan Tawarruk adalah Sunnah Para Sahabat dan menurut perkataan sebilangan Masyaikh bahawa ianya adalah gaya duduknya Ruh dalam keadaan terbalik, ***Wallahu A'lam Wa 'Ilmu Atamm.*** Walaubagaimanapun, apa jua cara duduk yang beradab dan sopan adalah diterima. Para Masyaikh Mujaddidiyah tidak menjadikan kain serban tutup kepala sebagai suatu amalan sebaliknya kain tersebut dililitkan di atas kepala sebagai menuruti amalan Sunnah Nabawiyah. Cara memegang Tasbih adalah bebas menurut sebarang kaifiyat yang mudah dan cepat. Demikianlah menurut penelitian hamba faqir haqir dan dhaif ini.

Wassalam Wal Ikram.

Faqir Jalalludin Ahmad Ar-Rowi 'Afa 'Anhu

SURAT KESERATUS DUAPULUH TUJUH

Anjuran meakukan Solat Taubat, Solat Hajat dan Solat Istikharah serta berdoa sebelum mengambil Bai'ah.

Kepada Muhammad Nasir

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh Wamaghfiratuh.

Nahmaduhu WaNusolli Wanusallim 'Ala Rasulihil Karim, Amma Ba'du;

Alhamdulillah, dari faqir haqir yang tiada apa-apa lagi miskin serta berada di bawah telapak kaki Para Masyaikh, Jalalludin Ahmad Ghaffarallahu Lahu Wali Walidaihi, kehadhrat saudara Muhammad Nasir, semoga Allah merahmatimu dan memberikan kamu keuatan untuk menuruti bimbingan orang-orang yang terdahulu menempuh jalan Nikmat. Lakukan Solat Taubat, Solat Hajat dan Solat Istikharah, berdoa dan jika kuat keinginan, maka hadirlah kehadharat kami untuk mengambil Bay'ah. Wassalam.

SURAT KESERATUS DUAPULUH LAPAN

Berkenaan Nabi dan Kenabian. Haqiqat Nabi adalah menjelaskan Haqiqat Zatnya manakala Haqiqat Kenabian adalah menjelaskan Haqiqat Sifat-Sifatnya.

Kepada Mohd Zaki Abdul Ghaffar

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sesudah Hamd dan Selawat, adapun faqir haqir ini memohon maaf kiranya agak lewat membalas persoalan tuan Zaki berkenaan Nabi dan Kenabian kerana kesibukan masa. Terlebih dahulu faqir ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan kesyukuran atas kurniaan khazanah kitab-kitab yang bijaksana dari Yang Maha Bijaksana menerusi para penyimpan amanah yang bijaksana penuh hikmah dari pihak tuan Zaki yang mewakili Khazanah Fattaniah. Alhamdulillah atas hadiah tersebut dan semoga para peyimpan amanah ini sentiasa aman dalam pemeliharaan Rahmat Allah, Amin. Walaubagaimanapun, bagi menenteramkan hati tuan berkenaan persoalan tersebut suka hamba jelaskan bahawa menurut pengertian bahasa, perkataan Nabi bermakna seorang pembawa khabar yang bersifat umum, namun telah dikhususkan penggunaan perkataan "Nabi" untuk Para Pembawa Khabar yang telah dilantik oleh Allah Ta'ala yang menurut Ijma' 'Ulama Ummat adalah seramai 124,000 orang kesemuanya. Manakala menurut pengertian istilah, kalimah Nabi bermakna Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam kerana kalimah ***"Haza An-Nabi"*** yang bererti "Nabi ini" adalah merujuk secara khususnya kepada Hadhrat Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Secara ringkasnya, perkataan Nabi adalah merujuk kepada Zat Hadhrat Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam tanpa pemerhatian terhadap Sifat-sifatnya. Yang dimaksudkan dengan Kenabian adalah berasal dari kalimah "Nubuwwat" atau "Nabawiyyat" yakni perkara-perkara yang berkaitan dengan seseorang Nabi. Para Anbiya adalah menduduki Maqam Asma dan Sifat, maka segala yang berkaitan dengan sifat-sifat Para Nabi dan maksud mereka pada penzahiran dari sudut Zahir dan Batin, pada Syari'at, Tariqat, Ma'rifat dan Haqiqat adalah sesuai untuk dikaitkan dengan istilah "Kenabian". Maka, Kenabian adalah bermaksud ciri-ciri dan maksud yang dapat dikaitkan dengan seseorang Nabi yang tertentu. Sebagai contoh, Hadhrat Nabi Ibrahim 'Alaihissalam dengan pencirian Kenabiannya sebagai Khalilullah yang membawa Millat yang Hanif dan Hadhrat Nabi Musa 'Alaihissalam dengan pencirian Kenabiannya sebagai Kalimullah yang membawa bersamanya Mukjizat dan Risalat Taurat. Secara khususnya kepada Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dengan pencirian Kenabiannya sebagai Sayyidul Anbiya Wal Mursalin Wa Khatimun Nabiyyin, Rahmatan Lil 'Alamin, Syafi'ul Muznibin dan Imam Para Muttaqin. Khulasahnya, Haqiqat Nabi adalah menjelaskan Haqiqat Zatnya manakala Haqiqat Kenabian adalah menjelaskan Haqiqat Sifat-Sifatnya.

Wallahu 'A'lam Wal 'Ilmu 'Indallahi Akmal Wa Atamm.

Salam Ukhuwwah,

Faqir Haqir Maulawi Jalalludin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT KESERATUS DUAPULUH SEMBILAN

Kepada Sharifah Syed, (RLR-S1)

Wa'alaikissalam. Bismillahi Wassolatu Wasslamu 'Ala Rasulillah, Wa Ba'du;

Dari faqir haqir Jalalludin Ahmad 'afa 'anhu mendoakan agar puan sentiasa dalam pemeliharaan RahmatNya. Tiada apa-apa yang patut dijadikan kontroversi berkenaan Doa tersebut kerana ianya merupakan suatu amalan yang Mutawatir, turun-menurun dari dahulu sehingga kini di seluruh pelusuk dunia Islam dan tiada sebarang kenyataan dalam Doa tersebut yang menyalahi 'Aqidah.

Sesungguhnya orang-orang yang mempersoalkan tentang perkara ‘Aqidah kerana tidak yaqin, sebenarnya sedang menghadapi kerosakan Iman dan keyakinan kerana lemahya ilmu tentang Al-Quran dan Sunnah. Saya tidak perlu mengetahui blog mana yang mengeluarkan kenyataan tersebut kerana hati hamba ini langsung tidak terpikat dengan orang-orang yang ada kesumat terhadap Allah dan Rasul yang cuba memperdayakan Allah dan orang-orang beriman. Sebenarnya mereka sendiri yang sedang terpedaya.

Semoga Allah memelihara kita dari sebarang anasir yang boleh menggugat keimanan dan keyakinan kita terhadap Allah dan sekelian Para Nabi. Saranan hamba, teruskanlah mengamalkan pembacaannya kerana ianya merupakan khazanah 'Arash yang terkandung padanya pengenalan Ma'rifat tentang Asma Sifat, Asma Af'al dan Asma Zat Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Yaqin, adalah menghindarkan sebarang was-was dalam setiap amalan. Orang-orang yang ada penyakit dalam hati mereka terhadap Para Nabi, mencemburui mereka atau beriri hati terhadap mereka sekali-kali tidak akan mencapai kenikmatan dalam keimanan, bahkan sebaliknya mereka setiap hari bergelumang dengan lautan keraguan yang terus-menerus menghimpit mereka dalam kepercayaan mereka sendiri.

Tiada cinta dalam hati mereka terhadap kemuliaan Para Rasul sedangkan rukun-rukun keimanan menuntut kita supaya mempercayai dan meyakini tentang kesempurnaan Para Nabi dan Rasul.

Jika ada tanggapan niat untuk melihat kelemahan mereka atau mencari kesalahan mereka atau menyangka sesuatu yang buruk tentang mereka atau memperkecilkan segala kemuliaan yang telah dikurniakan dan digelarkan kepada mereka, maka itu adalah tanda-tanda Iman akan terkeluar dari dada.

Semoga Allah Ta'ala memelihara kita dari sebarang sangkaan yang buruk terhadap sekelian Para Nabi dan Para Walinya. Amin.

Wabillahi Taufiq Wal-Hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullah.

Faqir Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'afa 'anhu

SURAT KESERATUS TIGAPULUH

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S2)

18hb Julai 2011

Wa'alaikumussalam, Alhamdulillah berkenaan Bai'ah, cara yang paling afdhal adalah dengan kamu hadir kehadhrat kami untuk menerima Talqin sesudah mengambil Bai'ah.

Jika kamu berada dalam Malaysia jangan jadikan alasan jauh kerana faqir ini tinggal tak jauh dari ibukota dan ramai Para Murid yang kuat keinginan sanggup datang dari jauh seperti Sabah, Sarawak, Brunei, Singapura untuk mengambil Bai'ah.

Jika kamu bergerak sejengkal menuju kehadhrat Allah, Dia akan mendatangimu sedepa dan RahmatNya adalah mendahului kemurkaanNya. Kuatkan azam dan bertawakkallah kepada Allah dan jika sudah kuat keazaman, maka hadirlah kamu kehadhrat kami untuk mengambil Bai'ah.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullah.

SURAT KESERATUS TIGAPULUH SATU

Kepada Syed Nizam Syed Omar

20hb Julai 2011

Wa'alaikumussalam, orang yang sudah menempuh satu jalan untuk mencapai matlamatnya akan berusaha mencari jalan lain untuk sampai ke matlamatnya yang sama kerana Allah adalah Maha Kaya dan jalan untuk mencapainya adalah sebanyak nafas-nafas manusia. Yang penting jalan lebuhraya utama yang perlu dikenalpasti supaya cepat sampai dan selamat perjalanannya.

SURAT KESERATUS TIGAPULUH DUA

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S3)

Wa'alaikumussalam, Alhamdulillah semakin beransur pulih, Amin.

Haqiqat ada terkandung di dalam Syari'at dan bukan di luar daripada Syari'at dan kefahaman Haqiqat tidak akan terhasil dengan secara hakikatnya apabila amalan Syari'at tidak dipelihara.

Tariqat adalah jalan untuk mencapai kefahaman dan kesedaran Haqiqat dalam mengamalkan segala suruhan dan perlaksanaan Syari'at. Ilmu tanpa Amal tidak akan membuahkan hasil, Amal tanpa Ilmu adalah kelakuan orang jahil. Ilmu yang diamalkan akan memanafaatkan diri kita sendiri dan orang lain.

SURAT KESERATUS TIGAPULUH TIGA

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S4)

3hb Ogos 2011

Wa'alaikumussalam Warahmatullah,

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah mengurniakan Taufiq kepada hamba-hambaNya untuk memperbanyakkan Zikir mengingati Hadhrat ZatNya. Allah Ta'ala telah menciptakan segala tubuh badan kita dari himpunan anasir yang empat iaitu Tanah, Air, Api dan Angin. Pendengaran dan Penglihatan adalah sifat-sifat yang ada pada Ruh dan berkait dengan Sifat Ma'ani Allah Ta'ala. Bersyukurlah, kerana kita telah dikurniakan kesedaran untuk mendengar Ayat-Ayat Allah dan melihat limpahan kurniaNya yang dilimpahkanNya kepada kita. Tangisan yang mengalir adalah dari rasa keinsafan yang terbentuk di hati. Sesungguhnya hati tidak sekali-kali berdusta tentang apa yang dialaminya. Mudah-mudahan Allah menetapkan hati-hati kita untuk tetap istiqamah mentaatiNya di atas Jalan AgamaNya yang lurus.

Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullah.

SURAT KESERATUS TIGAPULUH EMPAT

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S5)

26hb September 2011

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari hamba faqir hina dina Jalaluddin Ahmad semoga Allah mengampuninya, kehadhrat yang dimuliakan Syed Nizam, semoga Allah merahmatimu dengan limpahan Faidhz yang suci dari sisiNya.

Berkenaan mimpi yang terhasil padamu, semoga Allah memberikan keberkatan kepadamu. Lingkungan bulat berwarna putih adalah suatu ibarat bagi daerah Shuyun Zatiyyah. Cahaya Nur adalah sifat Zat Allah dan sifat adalah hijab bagi Zat. Sifat bukanlah Zat dan Zat bukanlah sifat. Sifat tiada berjauhan dari Zat dan Zat juga tiada berjauhan dari Sifat. Allah adalah cahaya Nur yang meliputi langit dan bumi. Takwilnya, Tajalliyyat penzahiran sifat-sifat Allah adalah terzahir di langit dan di bumi. Cahaya putih adalah biasan dari Alam Lahut yang berada dalam taklukan Hadhrat Baginda Nabi Musa 'Alaihissalam, sepertimana ada dinyatakan bahawa putih tangan Musa 'Alaihissalam adalah antara Mukjizat yang dipaparkannya.

Maka, sayugia disarankan dengan keizinan faqir ini, agar kamu meningkatkan Zikir pada Latifah Qalb, Ruh dan Sirr dengan memberikan penumpuan zikir pada Latifah Sirr sehingga tercapai Fana sesudah Latifah Qalb dan Latifah Ruh mencapai Baqa dalam ingatan terhadap Hadhrat ZatNya.

Seterusnya, Sirr juga perlu mencapai ingatan yang Baqa terhadap Hadhrat Zat. Latifah Qalb adalah Mazhar penzahiran Tajalliyyat Af'aliyyah dan Latifah Ruh adalah Mazhar penzahiran Tajalliyyat Sifat Ma'ani atau Tsubutiyyah, Latifah Sirr adalah Mazhar tempat penzahiran Tajalliyyat Shuyun Zatiyah di Alam Lahut, yakni dalam daerah ini Murid akan diperkenalkan dan didedahkan dengan hal keadaan dan tindakan Hadhrat Zat.

"Kulla Yaumin Huwa Fi Sha-n",

Yakni setiap hari Dia berada dalam hal keadaan serta tindakanNya. Teruskan zikir Ismu Zat dengan bersungguh-sungguh sehingga Latifah Khafi dan Akhfa juga turut dapat merasa kenikmatan dalam penghasilan Fana dan Baqa.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Faqir Jalaluddin Ahmad 'Afa 'anhu

SURAT KESERATUS TIGAPULUH LIMA

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S6)

27hb September 2011

Tajalliyat Shuyun Zatiyyah adalah berkait dengan Alam Lahut, yakni dalam daerah ini Murid akan diperkenalkan dan didedahkan dengan hal keadaan dan tindakan Af'al Hadhrat Zat. ***"Kulla Yaumin Huwa Fi Sha'n",*** yakni setiap hari Dia berada dalam hal keadaan serta tindakanNya.

SURAT KESERATUS TIGAPULUH ENAM

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S7)

28hb September 2011

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Faqir Haqir La Syaik Jalalludin Ahmad 'Ufiya 'Anhu kehadhrat saudaraku yang dihormati Syed Nizam semoga Allah mengurniakan kepada dirimu petunjuk yang Haqq.

Berkenaan kekeliruan yang diutarakan adalah antara permasalahan utama di kalangan penuntut dan pengikut Para Ahli Tariqah Sufiyah. Ianya adalah suatu kefahaman Tauhid yang Allah Ta'ala kurniakan kepada Para HambaNya yang menuju Ma'rifat.

Ketahuilah wahai saudaraku bahawa hanya Allah sahaja Zat yang Wajib Wujud dan kewujudan segala sesuatu yang selain Allah adalah bersifat Mumkin Wujud yakni kewujudan yang tidak bersifat Haqiqi dan tidak kekal dan dinamakan sebagai alam. Kewujudan alam tidaklah sepertimana kewujudan Allah. Wujud alam adalah bersifat Majazi dan bukan Haqiqi bahkan kewujudan alam yang Majazi ini adalah sebagai menandakan bahawa adanya suatu kewujudan yang bersifat Haqiqi iaitulah Allah.

Apabila kefahaman Ma'rifat tentang kesatuan pada kewujudan mula terhasil pada seseorang Murid atau Salik, ianya adalah disebabkan oleh kesan-kesan Zikir Ismu Zat ataupun Zikir Itsbat Mujarrad ataupun Nafi Itsbat yang mengitsbatkan Nama Zat Allah dengan sebanyak-banyaknya sehingga tenggelam dalam kefahaman bahawa tiada yang wujud melainkan Allah. Apabila diri ditenggelami dengan kefahaman Tauhid Wujudi tersebut maka ketahuilah bahawa ianya adalah kurniaan Allah semata-mata sebagai suatu Ahwal bagi merasai Fana. Secara istilahnya, hal keadaan sedemikian dinamakan sebagai Ahwal Wahdatul Wujud atau kefahaman Tauhid Wujudi yang mana di sisi Masyaikh Naqshbandiyah ianya adalah menempati Maqam Fana sekiranya hal-hal sedemikian berlaku berterusan. Namun ketahuilah bahawa Tauhid Wujudi bukanlah suatu maqam keunggulan yang penghujungan kerana masih ada martabat Tauhid yang melampaui kedudukan tersebut yang dinamakan sebagai Tauhid Syuhudi iaitu Salik mula menyaksikan Wujud Haqq dalam kefahaman dan pandangan mata hatinya dan menyembunyikan rasa kesatuan Wujud antara dirinya dengan Ilahi. Bahkan Salik akan mula memahami segala tuntutan Ilahi tatkala kefahaman Ma'rifat Tauhid Syuhudi mula terbit. Tauhid Syuhudi atau Wahdatul Syuhud adalah suatu maqam dan menempati kedudukan Baqa di sisi Para Masyaikh. Tauhid Wujudi adalah pada martabat Fana dan merupakan Daerah Wilayat Kewalian Para Awliya manakala Tauhid Syuhudi adalah pada martabat Baqa dan merupakan Daerah Wilayat Kewalian Para Anbiya.

Adapun fahaman bahawa hamba tetap hamba adalah menduduki Maqam Tauhid Syuhudi kerana penyaksiannya terhadap Af'al dan Sifat Hadhrat Zat Ta'ala dan Para Nabi telah menempati kedudukan ini dan demikian juga Para Sahabat Ridhwanullah 'Alaihim Ajma'in kerana mereka amat memahami Haqiqat rahasia Zat Wajibul Wujud dan Haqiqat kewujudan dirinya yang Majazi sebagai 'Abdi. Inilah fahaman Ahlul Haqq yang sentiasa bersaksi dan menyaksikan Keesaan Wujud Allah yang tiada sebarang sekutu bagiNya, tiada menyerupai segala sesuatu dan tiada sesuatu yang menyerupaiNya. Dialah Fa'il pelaku bagi sekelian Af'al dan Khaliq Pencipta bagi sekelian makhluk. Sifat Khaliq bagi Zat Allah adalah termasuk dalam Sifat Tsubutiyah menurut 'Aqidah Maturidi, maka akan menjadi Tsabit sifat Khaliq bagi Allah apabila ada makhluk yang diciptakan olehNya. Maka, wujud makhluk adalah Tsabit secara Majazi Ghair Haqiqi. Apabila wujud makhluk adalah Tsabit, maka bagaimana penyatuan dalam wujud boleh timbul? Ianya tidak lain adalah hanya sebagai suatu pengalaman ahwal kerohanian oleh Allah dalam penghasilan dan pencapaian Ma'rifat agar Para Murid dan Para Salik terus berkeghairahan untuk maju ke hadapan.

Ketahuilah bahawa, penyatuan yang dimaksudkan oleh Para Masyaikh adalah dalam ingatan zikir dan kehadiran berserta Allah secara zahir dan batin yang diistilahkan sebagai Jami'iyat. Menghadirkan Wujud Haqq sambil menafikan wujud Ghair Haqq adalah diibaratkan seperti menghadirkan air manis dan air tawar sambil melupakan tentang kemanisan air, bahawa kedua-duanya adalah air pada Haqiqatnya dan perbezaannya terletak pada sifat manis yang hadir disebabkan gula. Asal kejadian makhluk di Alam Khalaq adalah dari air dan tanah manakala di Alam Amar adalah daripada kejadian yang bersifat Nur dan Ruh. Wallahu A'lam Wassalam.

Faqir Jalaluddin Ahmad 'Ufiya 'Anhu

SURAT KESERATUS TIGAPULUH TUJUH

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S8)

29hb September 2011

Wa'alaikumussalam,

Kehadhrat yang dihormati Syed Nizam Semoga Allah memberikan Hidayah dan Falah Fi Darain. Dari Faqir Haqir La Syaik Jalaluddin Ahmad 'Ufiya 'Anhu.

Adapun permulaan Fana ialah apabila Salik hilang dalam penafian wujud diri dan permulaan Baqa ialah apabila Salik sedar dalam penafian wujud diri. Jam'iyat ialah apabila berhimpun Fana dan Baqa dalam diri Salik dan Hudhzur ialah kehadiran Hadhrat Zat dengan Jam'iyat yang berterusan. Fana adalah pintu Wilayat dan Baqa adalah pintu Kamalat manakala Jam'iyat adalah pintu Haqaiqul Haqiqat. Kesemua Ahwal dan Maqamat adalah limpahan kurniaan daripada Allah Ta'ala semata-mata. Adapun golongan Jabariyah yang menafikan sebarang ikhtiar dari pihak hamba adalah kerana 'Ilmul-Yaqin mereka belum atau tidak mencapai tahap 'Ainul-Yaqin. Kesesatan mereka adalah kerana kejahilan dalam Ma'rifat Af'al dan sifat Af'al Hadhrat Zat. 'Ilmul-Yaqin adalah menduduki Maqam Fana manakala 'Ainul-Yaqin adalah menempati Maqam Baqa. 'Ilmul-Yaqin adalah dalam lingkungan Tauhid Wujudi manakala 'Ainul-Yaqin adalah dalam lingkungan Tauhid Syuhudi yang lebih sesuai dan mendekati kefahaman Ahlus Sunnah Wal Jama'ah yang menyedari bahawa wujud ikhtiar pada pihak hamba-hambaNya dan Allah adalah bertindak sesuai berkadaran menurut sangkaan, ikhtiar, usaha dan keikhlasan niat hamba-hambaNya. Adapun golongan Qadariyah yang mengitsbatkan sifat Qudrat pada pihak hamba adalah golongan Mu'tazilah yang terkeluar dari jemaah Ahlus Sunnah Wal-Jama'ah kerana menafikan Sifat Allah dan mengtsabitkanNya dengan sifat yang lemah, Na'uzu Billahi Min Zalika. Mereka adalah jauh dari kesedaran 'Ilmul-Yaqin meskipun sebagai Ahlul Qiblah. Adapun golongan Sufiyah yang mengalami pencapaian yang tinggi dalam kesedaran dan kefahaman tentang 'Ilmul-Yaqin dan 'Ainul-Yaqin menerusi jalan Ma'rifat adalah yang terbaik dari kalangan Ahlus Sunnah Wal-Jama'ah kerana perpindahan 'Ilmu Husuli kepada 'Ilmu Hudhuri menuju Haqqul-Yaqin. Allah memberi petunjuk Hidayah kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan memberi petunjuk Dhalalah kepada sesiapa yang Dia Kehendaki. Seseorang yang diberikan Hidayah oleh Allah maka tiada sesiapa yang akan dapat menyesatkannya dan seseorang yang disesatkan oleh Allah maka tiada sesiapa yang akan dapat memberikan petunjuk Hidayah kepadanya.

Wallahu Ta'ala A'lam Wa 'Ilmuhu Atamm, Wabillahit Taufiq Wal-Hidayah Wassalam.

Al-Faqir Jalalludin Ahmad 'Afa Allahu 'Anhu

SURAT KESERATUS TIGAPULUH LAPAN

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S9)

11hb Oktober 2011

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, faqir doakan semoga Allah merahmatimu dengan Fana dan Baqa dalam ingatan terhadap ZatNya. Adapun kesan zikir Ismu Zat yang berterusan akan membawa Murid kepada ahwal Fana sehingga akan terasa kehilangan dirinya dan seterusnya akan merasakan ahwal kewujudan yang terikat denganNya tanpa kaifiyat. Keheningan hati akan terhasil kerana kesan penyucian yang dilakukan dengan Ihsan dan penuh Tawajjuh.

Kehadiran suara-suara sumbang adalah ilham dari Allah menerusi Qarin dari kalangan syaitan, jin dan malaikat yang membawa bisikan-bisikan ke dalam hati. Nafikan segala bisikan dan suara dalaman dan tumpukan ingatan terhadap Hadhrat Zat tanpa sebarang kalam mahupun suara kecuali Allah Allah.

Hatta sebarang gambaran pun hendaklah disingkirkan pada pandangan mata hati dan tumpukan ingatan terhadap limpahan Nur Faidhz dari HadhratNya terlimpah pada lataif. Kosongkan ingatan dari selainnya dan lupakan keinginan untuk menjadi pembimbing. Hasilkan keinginan untuk mencapai Cinta dan Ma'rifatNya.

Untuk khusyuk di dalam solat, hendaklah berkeadaan seperti dalam Solat sebelum Solat dikerjakan. Maksudnya, Ihsan dan Dawam Musyahadah sepertimana yang terhasil ketika melakukan kegiatan Zikrullah hendaklah dilatihkan. Wuquf Qalbi ketika sebelum Solat, dipertengahan Solat dan ketika penghabisan agar niat kita sentiasa dapat diikhlaskan.

Memahami pengertian apa yang dibaca di dalam Solat adalah syarat mencapai khusyuk sebagaimana ianya juga syarat ketika berzikir. Tanpa pemahaman makna, apa yang kita ucapkan dan apa yang kita lakukan adalah tiada berfaedah. Panjangkanlah masa berdoa dan mohonlah agar dikurniakan dengan kekhusyukan di dalam Solat. Solat dua rakaat yang benar khusyuk adalah lebih baik dari dunia dan segala isinya.

Wallahu A'lam Wa 'Ilmuhu Atamm. Wabillahi Taufiq Wassalam.

Faqir Jalalludin Ahmad 'Ufiya 'Anhu

SURAT KESERATUS TIGAPULUH SEMBILAN

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S11)

27hb Oktober 2011

Wa'alaikumussalam, kehadhrat Syed Nizam 'Afa Allahu 'Anhu semoga Allah memberi petunjuk kepadamu dan kejayaan di Dunia dan Akhirat. Mimpi orang beriman adalah benar kerana pandangan mata hati yang terpapar dalam Musyahadah adalah tiada berdusta.

Alhamdulillah, dengan keberkatan sekelian Para Masyaikh Silsilah Naqshbandiyah Mujaddidiyah, kita dapat menikmati pertalian Nasab dan Nisbat Ruhaniah dengan mereka serta bimbingan dan tunjuk ajar mereka. Warna hitam adalah Nur Latifah Khafi. Mimpi ini mengisyaratkan kepada kamu untuk menempuh dan menembusi Latifah Khafi yang berada pada kedudukan sebelah kanan dada di atas Latifah Ruh pada anggaran dua jari dari puting tetek menghala ke tengah dada. Tumpukan zikir pada latifah tersebut. Semoga Allah memberkati. Amin. Wassalam

SURAT KESERATUS EMPATPULUH

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S12)

20hb Januari

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, perjalanan kamu sudah semakin tenang dan mulakanlah memberikan tumpuan kepada Latifah Akhfa yang berada di tengah-tengah dada. Zikirlah sebanyak-banyaknya, kerana penyingkapan Mushahadah tidak akan berhasil melainkan dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Datanglah pada hari sabtu atau ahad jika berkesempatan untuk bersuhbat dan bertawajjuh. Wassalam.

SURAT KESERATUS EMPATPULUH SATU

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S13)

14hb Februari 2012

Alhamdulillah,a maafaakan faqir kerana agak lewat membalas khabar. Berkenaan mimpi kamu amat menggembirakan faqir dan semoga Allah memberkati kamu dan memilih kamu sebagai asbab Hidayah bagi manusia lain. Sekarang bolehlah kamu mula menumpukan kepada Zikir Ismu Zat pada Latifah Nafs yang kedudukannya berada pada tengah dahi di antara dua kening.

Sebutlah Allah Allah pada Latifah Nafs sehingga kamu mencapai Fana dan Baqa pada Nafs dalam ingatan terhadap Allah. Dimulakan dengan Kaifiyat Zikir seperti biasa dan mulakan tawajjuh dan zikir pada Nafs. Semoga Allah memudahkan segala usaha kamu atas urusan Amar Ilahi dan semoga Allah merahmati. Amin. Wassalam.

Wa'alaikumussalam, ya, mulakan zikir pada Latifah Nafs malam ni.

SURAT KESERATUS EMPATPULUH DUA

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S14)

25hb Februari

Zikir Ismu Zat sebanyak-banyaknya pada latifah nafs sehingga fana. ya, semuanya itu ada dalam nafs, zikir sehingga fana, yakni tiada apa-apa pun kecuali hanya Allah, itulah mujahadah nafs namanya nafs pada tabiatnya tidak mahu ingat Allah, sebaliknya suka ingat yang selain Allah. kerja kita adalah menggesa Nafs agar berzikir mengingati Allah sehingga ia menjadi Fana dan kemudian akan menjadi Baqa sabar, tabah dan tekun, semoga Allah merahmati kamu.

SURAT KESERATUS EMPATPULUH TIGA

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S15)

19hb April

Assalamu'alaikum.

Adapun berkenaan aqiqah selepas tempoh 7 hari kelahiran adalah sah. Yang dimaksudkan dengan Syeikh Zahir adalah Murshid yang dibai'at dan diterima talqin zikir dan disuhbat manakala Syeikh Batin adalah Rauhaniah Para Masyaikh Akabirin Naqshbandiyah Mujaddidiyah. Berkenaan mimpi kamu amatlah menggembirakan faqir haqir ini kerana penerimaannya terhadap kamu sebagai Murid dalam Khandan Silsilah telah terhasil menerusi faqir ini. Ketahuilah bahawa Insan adalah himpunan sepuluh Latifah, lima dari Alam amar dan lima dari Alam Khalaq. Maka, kini berzikirlah dengan kesemua sepuluh Latifah dengan mengkhayalkan bahawa seluruh zarrah dan helaian rambutmu sedang mengucapkan Ismu Zat iaitu Allah serta perkuatkanlah Rabitah dan bertawassullah dengan Arwah Rauhaniyah Hadhrat Khwajagan Naqshbandiyah Mujaddidiyah, semoga Allah melimpahkan limpahan sekelian Hadhrat ini ke atas kita, Amin.

Wassalam.

SURAT KESERATUS EMPATPULUH EMPAT

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S16)

20hb Mei

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabaraktuh.

Dari Faqir Haqir La Syaik Miskin Fani Khakpaey Buzurgan Baqi, Jalalludin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu, kehadhrat yang dimuliakan Syed Nizam, semoga Allah mengurniakan kamu dengan keteguhan Iman terhadap segala yang berkaitan Allah dan RasulNya serta beramal menurut segala perintah keduaNya dan meninggalkan larangan yang ditegahNya. Sesungguhnya ada dinyatakan dalam banyak Ahadits Nabawi bahawa kejayaan yang besar akan dapat diperolehi oleh Para Mukmin yang banyak berzikir mengingati Allah.

Begitu banyak dalilnya di dalam Al-Quran mahupun Hadits bahawa ianya telah diperintahkan kepada sekelian Para HambaNya dari kalangan Jin dan Manusia. Mengingati Allah hendaklah dilakukan sebanyak-banyaknya sehingga keseluruhan kehidupan kita adalah berserta dengan ingatan terhadap Allah.

Baik ketika duduk mahupun berdiri, berjalan mahupun berbaring, dalam perjalanan mahupun di kampung halaman, di darat mahupun di lautan atau di udara sekalipun, berwudhu mahupun tiada berwudhu, bersendirian mahupun dalam keramaian, setiap masa dan dalam setiap hal ehwal keadaan mahupun situasi senang mahupun susah, gembira mahupun sedih, riang mahupun resah, lazat mahupun pedih, hendaklah ingatan kita berserta dengan kehadiran Hadhrat Zat yang Maha Menciptakan segala ahwal dan keadaan, Dialah yang menciptakan sekelian ciptaan dan segala perbuatan mereka.

Jika kita berasa lemah, itu menandakan Syaitan sedang berusaha melemahkan kita dari mengingati Allah. Ingatan terhadap Allah adalah berterusan tanpa Nuktah sebagaimana pada Kalimah Tayyibah yang tiada bertitik, dengan kandungan dua puluh empat huruf, dengan tujuh kalimat, maka tiada titik nuktah dalam mengingati ketauhidan Allah dan Kerasulan NabiNya selama dua puluh empat jam, tujuh hari seminggu.Adapun berkenaan ahwal kamu yang menerima kehadiran insan baru, maka banyakkanlah berdoa untuk masa hadapan mereka agar menjadi hamba-hamba Allah yang Salih dan Salihah. Adapun setelah meminta petunjuk Allah dan memohon bimbingan Rauhaniyyah Para Masyaikh Akabirin Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah, faqir melihat ada baiknya kini dilakukan Zikir Nafi Wa Itsbat.

Rujuk dan mutalaah tentang adab, kaifiyat serta syarat melakukan Zikir Nafi dan Itsbat ini. Semoga Allah memberikan Taufiq, Birahmatika Ya Arhamar Rahimin, Wassalam.

Wallahu A'lam Wa 'Ilmuhu Atamm. Wabillahi Taufiq Wassalam.

Faqir Jalalludin Ahmad 'Ufiya 'Anhu

SURAT KESERATUS EMPATPULUH LIMA

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S17)

1hb Jun 2012

Wa'alaikumussalam Warahmatullah.

Alhamdulillah bersyukurlah kita kehadhrat Allah yang telah mengurniakan limpahan faidhz rabbaniyyah menerusi keberkatan limpahan Hadhrat Kiram Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah. Berkenaan mimpi tersebut amatlah menggembirakan faqir dan semoga Allah mengkabulkan keinginanmu dan membawamu ke maksud yang diharapkan. Sekarang hendaklah kamu memulakan Muraqabah Ahadiyyat dan melakukan zikir Nafi Itsbat. Semoga Allah mengurniakan taufiq. Wassalam.

SURAT KESERATUS EMPATPULUH ENAM

Kepada Syed Nizam Syed Omar (RLR-S18)

6hb Jun

Wa'alaikumussalam,

Adapun berkenaan muraqabah Ahadiyyat, adalah merenungkan keesaan Zat Allah yang wajib wujudNya dengan memeliki segala Sifat yang sempurna dan suci dari segala kelemahan dan keaiban.

Khayalkan limpahan dari Hadhrat Zat tersebut sedang terlimpah ke latifah Qalb menerusi sekelian Qulub para masyaikh naqshbandiyyah mujaddidiyyah sebagai cermin pantulan. Penghasilan faidhz akan menghasilkan makrifat berkenaan hadhrat zat sehingga salik akan fana pada qalbnya.

Ahadiyyat adalah bertakluk dengan martabat La Ta'ayyun iaitu martabat yang tidak dapat ditentukan kedudukan mahupun keadaannya. Martabat ini adalah daerah kesedaran tentang keesaan Allah yang kekuasaanNya meliputi seluruh alam amar dan khalaq sehingga ke alam ajsad. Daerah kesedaran Ahadiyyat adalah dalam lingkaran Daerah Imkan.

Dalam daerah ini Salik akan mengalami ahwal mabuk sehingga berasa tenggelam dalam keesaan dan kesempurnaan Zat Ahad As-Somad. Apabila salik dapat dawam dalam kesedaran ini selama empat jam maka bersedialah untuk menempuh muraqabah Tajalliyat sebelum menempuh daerah Wilayat Sughra.

Wassalam.

SURAT KESERATUS EMPATPULUH TUJUH

Kepada Cikgu Yusoff Mat Hassan (RLR-S25)

17hb Jun 2012

Salam, apabila Rabitah semakin sempurna sehingga ke Hadhrat Nabi, limpahan Nur Wahdat Nubuwwat Baginda terpapar pada cermin batin, pada haqiqatnya sekelian individu Ummat Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah sebagai Mazhar Haqiqat Kenabian. Sekelian ruh para mukminin adalah terbit dari Ruh Nabi.

Ittiba' bermaksud supaya kita menuruti penzahiran Nabi saw. Itulah 'ain tsabitah bagi sekelian mukminin, menuruti gambaran sifat Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam. Apabila seorang Mukmin kembali kepada penzahiran 'Ain Tsabitah, bayangannya terzahir pada paparan 'Ain Kharijah. Paparan yang terhasil adalah kesempurnaan Ittiba' Sunnah Rasulullah secara dawam kerana ianya merupakan penghasilan Tajalliyyat Zatiyyah, maka hendaklah dikekalkan kaifiyat yang terhasil dalam Mukashafah.

Para Sahabat diibaratkan sebagai bayangan Rasulullah kerana kehidupan mereka dibayangi oleh kehidupan Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam. Kesempurnaan kenabian adalah terhasil menerusi limpahan Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Kesempurnaan sebagai Ummat Muhammad Khairu Ummah adalah dengan Ittiba' menuruti Sunnah Nabawiyyah dalam 'Aqidat, 'Ibadat, Mu'amalat, Mu'asyarat, Akhlaqiat dan Khilafat. Ilmu Nubuwwat dapat terhasil menerusi Wirasat perwarisan dan Ittiba' penurutan.

SURAT KESERATUS EMPATPULUH LAPAN

Kepada Ruhssly Seaman (RLR-S28)

17hb April 2011

Salam ukhuwwah juga dari hamba yang dhaif faqir haqir hina, Jalalludin Ahmad 'afa 'anhu kehadhratmu, mudah-mudahan kita dapat beramal dengan perintahNya juga,

"Wata'awanu 'Alal Birri Wat Taqwa",

Dan mudah-mudahan kita sentiasa dilimpahi rahmatNya di Dunia dan Akhirat.

Faqir Jalalludin Ahmad 'Afa 'Anhu

SURAT KESERATUS EMPATPULUH SEMBILAN

Kepada Paduka Jampy Ibnu Shuaib Bin Saleh (RLR-S21-S29)

27hb Disember 2010

Salam,

Alhamdulillah. Ahwal kamu dalam pengetahuan faqir dengan izin Allah.

Allah telah mengeluarkan kamu dari alam zulmat kepada alam nur dan Bay'ah kamu akan berkekalan sehingga kita sama-sama menghadap Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan Hadhzrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam serta sekelian Para Masyaikh Kibar Muqaddasah Silsilah 'Aliyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah.

Asal kamu dari Allah menerusi kebenaran Haqiqat Muhammad dan kamu seharusnya menempuh kesempurnaan Syari'at, Tariqat, Ma'rifat dan Haqiqat Muhammad untuk kamu berjaya kembali Kehadhzrat Allah dalam keadaan Ridhza dan diridhzai.

Perasaan malu adalah tanda keimanan seseorang yang beriman. Jalan yang paling dekat untuk kamu sentiasa kembali kehadhzrat Kami adalah menerusi Zikrullah yang berterusan, berpegang dengan 'Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah dan beramal dengan amalan Sunnah Nabawiyyah. Ruh kamu dalam genggaman Allah walau ke mana jua kamu pergi, Dia ada bersama-sama kamu walau di mana jua kamu berada.

Ingatlah! bahawa tiada taufiq, daya upaya mahupun kekuatan untuk kita mengerjakan ibadat ketaatan melainkan dengan bantuan dan pertolongan Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Apabila kita dikurniakan taufiq untuk mengerjakan zikir, solat mahupun sebarang bentuk amalan ibadat mahupun kebajikan, ianya semata-mata kurniaan taufiq dari Allah menerusi keberkatan Hadhzrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan sekelian Para Masyaikh.

Setiap anak Adam dan Ummat sekeliannya adalah pendosa dan Allah adalah Maha Pengampun dan Maha Memulihkan Segala Kesilapan.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,

Wassalamu 'Alaikum Warahmatullah.

Al-Faqir Jalaluddin Ahmad 'Afa 'Anhu

SURAT KESERATUS LIMAPULUH

Kepada Paduka Jampy Ibnu Shuaib Bin Saleh (RLR-S21-S30)

2hb April 2011

Salamun 'alaik, semoga Allah mengurniakan kesungguhan dan ketabahan serta kesabaran dalam mematuhi segala perintah Allah dan bersungguh-sungguh menghidupkan amalan Sunnah KekasihNya. Permohonan doa seorang muslim yang mukmin kepada saudara ikhwannya yang ghaib pada zahirnya adalah makbul di sisi Allah dan para malaikat akan turut mendoakan kepada orang yang berdoa.

Ketahuilah, bahawa Doa adalah otak ibadah dan merupakan Ibadah itu sendiri. dalam ertikata lain, ibadah adalah berdoa. Doa adalah mafhum daripada Solat, kerana Solat dipenuhi dengan amalan berdoa menyeru dan memohon KehadhratNya.

Orang-orang yang menganggap bahawa dirinya sudah melakukan ibadah tetapi tidak mahu menyeru Allah dengan Nama-NamaNya yang mulia dan tidak pula mahu berdoa kepadaNya dengan keadaan yang sepatutnya, adalah sebenarnya belum lagi menyempurnakan amalan ibadahnya, kerana ibadahnya tidak disertai dengan berdoa. Maka, seolah-olah kepala yang tiada otak. Berdoalah dan banyakkanlah berdoa, dengan kehadiran hati, dari lubuk hati sanubari, kita panjatkan ucapan yang memuji KehadhratNya sentiasa dalam keadaan rahasia dan sangat tersembunyi dan Dia Maha Mengetahui segala isihati yang terkandung di dalam dada.

Hendaklah kamu sentiasa berserta Allah, dan bersertalah dengan orang-orang yang berserta Allah dan Rahmat Allah adalah dekat bagi mereka yang Muhsin iaitu sentiasa mengingati Allah dengan ingatan yang dawam dan syuhud. Dan Dia bersama kamu walau di mana jua kamu berada. Rabitah murshid adalah kurniaan Allah kepada mereka yang mencari jalan penghampiran terdekat menuju kesedaran Hadhrat Zat. Rabitah zahir dengan menghadirkan diri dalam Halqah dan Majlis murshid adalah afdhal dan sentiasa berabitah secara batin dengan menghadirkan hati serta Fana Fi Syeikh adalah Awla untuk mereka yang bercita-cita menuju kepada kesempurnaan Wilayat.

Kehadiran hati menuntut tawajjuh dari pihak murid ke arah limpahan faidhz pada lataif murshid, walaupun dengan khayalan ingatan, namun kurniaan Allah adalah melampaui batas. Apa yang sepatutnya bagi seseorang murid yang Sadiq, Haqq serta Talib, bersuhbah dengan murshid adalah seutama-utama amalan setelah menerima Bai'ah. Kuatkan keazaman dan kesungguhan kerana Para Pahlawan Tariqat ini memerlukan orang-orang yang benar-benar berkelayakan untuk meneruskan perjuangan Para Masyaikh. Perbanyakkan istighfar dan taubat serta perbanyakkan selawat, namun semuanya ini dikerjakan setelah kamu menyempurnakan zikir Ismu Zat yang 24,000 sehari semalam pada lataif alam amar dan alam khalaq sehingga kamu menempuh maqam Sultanul Azkar. Semoga Allah mengurniakan Rahmat dan Taufiq. Wassalam.

Faqir Jalalludin Ahmad 'Afa 'Anhu

SURAT KESERATUS LIMAPULUH SATU

Kepada Paduka Jampy Ibnu Shuaib Bin Saleh (RLR-S21-S31)

4hb April 2011

Salamun'alaikum,

Ahwal yang sedemikian memang ada kalanya berlaku apabila pandangan musyahadah di singkapkan. Perbanyakkan berdoa memohon keampunan untuk diri sendiri, anak-isteri, kaum-keluarga, ibu-bapa, sahabat-handai dan seluruh ummat Muslimin dan Muslimat. Sentiasa peringatkan kepada isteri dengan perkara-perkara keimanan dan dorongkan dirinya utuk melakukan amal-amal kesalihan. Wanita adalah kaum yang lemah dan lelaki adalah kaum yang gagah, maka dalam apa jua keadaan sekalipun, kita perlu berusaha memberi perlindungan kepada mereka yang lemah. Kelemahan dari sudut penjagaan amalan kesalihan perlulah sentiasa diperbaiki dari semasa-ke semasa dengan memebrikan peringatan secara hikmah.

Ketahuilah, bahawa isteri kita juga perlu memahami apakah maksud kehidupan ini. Sampaikan maksud hidup kita agar dia juga turut memahami bahawa maksud hidup kita adalah mencari keredhaan Allah dan RasulNya, dan kita mahu dia juga menjadikannya sebagai maksud hidup dirinya. sampaikan dengan cara yang berhikmah. carikan masa yang sesuai untuk berbicara dengannya, sebaik-baiknya sesudah solat berjemaah bersama-sama atau masa sebelum tidur bersama. Mudah-mudahan Allah merahmati diri kamu dan isteri supaya dapat melahirkan zuriat-zuriat yang soleh dan solehah.

Wassalam Wal Ikram.

Faqir Jalalludin Ahmad 'Afa 'Anhu

SURAT KESERATUS LIMAPULUH DUA

Kepada Paduka Jampy Ibnu Shuaib Bin Saleh (RLR-S21-S32)

22hb April 2011

Salamun'alaik, untuk menghadiri majlis zikir, perlu ada kekuatan hati dan dorongan yang kuat untuk menyertai dan menghidupkan majlis zikir dengan bersungguh-sungguh dan mengajak manusia-manusia kepada amalan zikir dengan bersungguh-sungguh, kerana di sinilah sumber kejayaan bagi kita.

Apabila kamu sudah bersedia untuk hadir ke Khanqah, berdoa dan berniatlah dengan niat untuk mengikhlaskan dan mengislahkan diri sendiri dan sebagai menghadiri majlis Suhbah bersama Murshid demi memperkuatkan ikatan Rabitah Rauhaniyyah. Apabila kamu sampai di Batu Caves, sms atau hubungi faqir ini.

Wassalam.

SURAT KESERATUS LIMAPULUH TIGA

Kepada Madu Utama (RLR-S21-S33)

Salamun'alaik, Terjemahannya adalah seperti berikut:

Sebuah Hadits bermafhum bahawa Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda,

"Demi Allah tidak beriman seseorang itu, Demi Allah tidak beriman seseorang itu, Demi Allah tidak beriman seseorang itu".

Sahabat Radhiyallahu 'Anhum Ajma'in telah bertanya kepada Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam siapakah yang Baginda maksudkan? Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda,

"Iaitu seseorang yang tangan dan lidahnya tidak terpelihara terhadap orang lain."

SURAT KESERATUS LIMAPULUH EMPAT

Kepada Rex Young (RLR-S21-S34)

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh

Lelangit yang dimaksudkan ialah yang berada di atas lidah yang daerahnya adalah dari depan sehingga ke belakangnya, yang dimaksudkan ialah supaya pekerjaan zikir ismu zat semata-mata ditumpukan dengan sebutan hati tanpa menggunakan lidah sama sekali.

SURAT KESERATUS LIMAPULUH LIMA

Kepada Sofiuddin Ba 'Alawi (RLR-S35)

24hb Mac 2011

Salam, berkenaan pembacaan kitab selawat dalailul khairat dan qasidah burdah, tiada kaifiyat yang khas kerana terdapat berbagai-bagai kaifiyat. pilih kaifiyat yang paling mudah dan perkara yag paling penting adalah istihdhzar yakni menghadirkan Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam di hadapan kita.

Pembacaan Dalailul Khairat hendaklah dibacakan satu bahagian hizib untuk setiap hari dan khatam dalam masa seminggu. Qasidah Burdah, bila-bila masa pun boleh dibaca. Yang lebih afdhal untuk diamalkan pembacaannya menurut faqir adalah kitab dalailul khairat kerana ianya mengandungi banyak Selawat dan Doa yang Matsurat.

Sesungguhnya Allah Ta'ala dan Para MalaikatNya sentiasa berselawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasallam dan begitulah juga hendaknya sekelian orang-orang yang beriman.

SURAT KESERATUS LIMAPULUH ENAM

Kepada Sofiuddin Ba ʻAlawi (RLR-S36)

24hb Mac 2011

Bismillahi Ta'ala Wa Nusolli Wa Nusallim 'Ala Khayril Wara Muhammad Mustafa Ahmad Mujtaba Wa 'Ala Aalihi Wa Sahbihi Waman Ittaba'ahum Bi Ihsanin Ila Yaumiddin,

Wa Ba'du;

Menurut mafhum Hadits Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam,

"Tidaklah sempurna Iman seseorang kamu sehinggalah diriku lebih dikasihi olehnya dari ibubapanya, anak-anaknya dan seluruh manusia keseluruhannya".

Perasaan sebak, resah, tangisan dan teriakan hati kerana mengenangkan Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah kerana kecintaan yang mendalam terhadap Baginda dan terhadap ahli keluarganya dan para sahabatnya dan terhadap mereka yang mencintai Baginda. Kita sebagai hamba yang dhaif dan hina memang tiada sebarang kelayakan untuk mencapai kedudukan dan martabat mereka yang tinggi di sisi Allah sepertimana mereka. Namun, tangisan yang terzahir bukanlah semata-mata kerana cinta kita terhadap mereka, bahkan ianya adalah hasil pengorbanan diri, harta dan masa mereka bermujahadah dan berjihad untuk menegakkan Kalimah Allah Yang Maha Tinggi. Tangisan yang keluar adalah disebabkan rasa cinta dan terharu dengan segala titisan keringat dan darah-darah merekalah yang telah mensuburkan amalan Agama dan kerana kerisauan mereka mengenangkan anak-anak cucu dan ummat yang akan datang sesudah mereka, mereka berjaga di waktu malam dan berjuang di waktu siang demi mengharapkan kurniaan limpahan Faidhz Rahmat dan Hidayat yang berkekalan sehingga ke Hari Qiyamat untuk kebaikan seluruh Ummat Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Kita yang datang dari juzuk-juzuk darah Sayyidatina Fatimah Radhiyallahu Ta'ala 'Anha, akan lebih lagi merasa terharu dan hiba apabila merasakan betapa jauhnya nisbat dari sudut keimanan dan amalan kesalihan kita hari ini jika dibandingkan dengan mereka. Namun, ketahuilah bahawa kejayaan Ummat ini adalah apabila kita beriman dan beramal dengan segala ajaran Baginda dan Para Pengikut Baginda. Apabila kita mempertingkatkan hubungan kita menghadap Allah iaitu Zat yang menjadi sumber asal penciptaan kita yang asal, maka Dia akan memperhubungkan kita dengan orang-orang yang memiliki perhubungan denganNya dan menerbitkan rasa kasih sayang di dalam hati orang-orang yang beriman.

"Walladzina Aamanu Ashaddu Hubban Lillah"

Perasaan yang datang secara tiba-tiba tanpa sebarang usaha dinamakan sebagai Ahwal iaitu jamak bagi kalimah Hal. Terdapat Hal-Hal tertentu yang turut boleh dijadikan sebagai Maqam iaitu dikekalkan dan dipelihara secara berterusan, sebagai contohnya Muhabbat kasih-sayang terhadap Allah dan Rasul atau terhadap mereka yang ada memiliki kaitan

dengan kedua-duanya seperti Para Awliya Allah dan Para Ahlul Bait Rasulillah Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Golongan Syiah mendakwa mereka mahu menzahirkan rasa cinta dan kasih-sayang mereka terhadap Ahlul Bait, namun mereka telah melampaui batas dalam mengizharkannya.

"Innallaha La Yuhibbul Mu'tadin".

Sesungguhnya Allah tidak mengasihi orang-orang yang melampaui batasan.

Golongan Sunni menzahirkan rasa cinta mereka di dalam batas-batas Syara' dengan cara yang sederhana kerana Mafhum sabdaan Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam,

"Khairul Umuri Awsatuha"

Sebaik-baik urusan adalah yang ditengah-tengahnya".

Kaum Sufi Naqshbandi menzahirkan rasa cinta mereka dengan cara menghidupkan segala Sunnah Baginda Rasulullah Sallallhu 'Alaihi Wasallam dan mengikhfakan serta menyembunyikan kerinduan dan keresahan dalam ingatan cinta mereka terhadap Baginda. Bersabda Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam,

"Al-Mar-u Ma'a Man Ahabba"

Seseorang itu adalah pasti akan bersama orang yang dikasihinya.

Faqir ini memberikan ijazah kepada Hadhrat Sofiuddin Al-Husaini 'Afa-'Anhu untuk mengamalkan Dalail Al-Khayrat dan juga telah memberikan keizinan kepadanya mempelajari, mengamalkan dan menyebarkan semua kitab-kitab ilmu penulisan faqir, khasnya yang berkaita dengan amalan Tariqat Naqshbandiyah Mujaddidiyah. Semoga dengan keberkatan limpahan ilmu Para Masyaikh Akabirin Khwajagan Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah, kita mendapat limpahan Faidhz kesempurnaan mereka secara berkekalan, Amin.

Faqir Haqir La Syaik Miskin Fani,

Maulawi Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi 'Afa 'Anhu

SURAT KESERATUS LIMAPULUH TUJUH

Kepada Sofiuddin Ba ʻAlawi (RLR-S37)

14hb April 2011

Salamun 'alaik, Alhamdulillah faqir dalam keadaan sihat dan 'afiyat, begitu jugalah hendaknya harapan faqir ke atas dirimu. Faqir doakan kesihatan untuk ibunda kamu dan mudah-mudahan Allah merahmatinya dan seluruh kaum keluargamu. Amin.

Yad Kard Nigah Dashat,
Wuquf Qalbi Hudhzur Ba Dawam,
Baz Gasht Yad Dashat,
Hosh Dar Dam Nazar Bar Qadam.
Wabillahi Taufiq Wassalam,

SURAT KESERATUS LIMAPULUH LAPAN

Kepada Faqeer Ilallah (RLR-S39)

16hb Julai

Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah yeh bandah khairiyat sey hain. Babaji key intiqal key ba'd bandah kisi sey bai'at nahin kiya balkeh Rabitah key kaifiyat mujh par ziyadah peda hojata hai.

SURAT KESERATUS LIMAPULUH SEMBILAN

Kepada Faqeer Ilallah (RLR-S40)

17hb Julai

Allah ta'ala hamen ma'af farmawey, keh aisa ahwaal kabhi kabhi waqi' hote hein faqiron par, Ruhani ko kamzuri aur bey taqat ka ihsas hote hein jab murshid key intiqal hone key ba'ad, lekin yeh to ahwaal hain aur maqamat nahin hain, to kamzuri ki ihsas judai hone ki wajah sey yeh to goya keh lazim aur malzum key halat mein, jaisey Hadhrat Maulana Rumi ney farmaya:

Beshno Az Ney Chun Hikayat Mey Konad,

Az Judaey Ha Shikayat Mey Konad.

Lekin, kamzuri ki mahsus zaruri nahin balkeh yeh samajhlo keh ruhani tur par Murshid key sath rabitah karna bohot zaruri hain, chahiey Murshid zindah ho ya faut shudah ho aur rabitah sey taqat aur quwwat ruhani peda hojate hain agey barhhta aur bahrah war hojata kiunkeh tariqat ka asal kaam woh Rabitah hain.

Aur Rabitah wasilah hai aur barzakh bhi hai. Yeh baat faqir ney Kashful Asrar Mukhtasar Kashful Mahjub Hadhrat Syeikh 'Ali Hujweri Radhiyallahu 'anhu ki talifat mein faqir ney paya aur Hadhrat Sultan Bahu ki talifat mein bhi faqir ney paya aur Allah Ta'ala ziyadah ma'lum hain. Ba har haal, aap key ahwaal key barey mein, khauf na ho balkeh khushi sey aur muhabbat sey tamam Rauhaniah Piran Kibar Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah ko rabitah karo khususi tur par aap key sare Murshidan, chahiye Hadhrat Zulfiqar ya Hadhrat Babaji ya Hadhrat Shah Naqshband. Woh sab hamare masyaikhon mein sey hain. Agar Rabitah ki amal karne sey Nur peda hojate hain to agar dusre Rabitah pehle Rabitah par jama' hote hain to goya Nur 'Ala Nur hojaiga. Aur yeh bhi sunlo, keh kabhi kabhi eik rabitah dusre rabitah par ghalib hojate haein jeisey Nisbat bhi isi tarah waqi' hote hain. Perishan nah ho keh yeh to koi haraj nahin hain, baz tumko sirif apne aapko fani karado aur yeh khiyal karey keh mera jisim mera syaikh ke jisim hain aur Fana Fi Syaikh key ahwaal ko dawam ikhtiyar karey. Yeh hi baat Babaji ney is faqir ko irshad fermaye they.

Wabillahi Taufiq, Wassalam Wal Ikram.

Faqir Haqir La Syaik Miskin Fani, Jalalludin Ahmad

SURAT KESERATUS ENAMPULUH

Kepada Faqeer Ilallah (RLR-S21-S41)
18hb Julai

Alhamdulillah. Is faqir haqir ko bhi dua mein yad rekhein. Aur Hadhrat Maulana Babaji Khwajah Khan Muhammad Sahib Rahmatullah alaih ke audio file dua par bohot shukriya aur Allah taala hamein qabul karey, amin.

SURAT KESERATUS ENAMPULUH SATU

Kepada Aziz Khatri (RLR-S21-S43)
6hb Mei

Allah ta'ala aapko jazae khair dena, is faqir ke paas silsilah syattariyyah ke kitaben sirf do hain aur apni Melayu zaban ba khat Jawi ya'ni Arabi harfon sey likhi gayi hain. Agar hain aap ke paas, is faqir haqir ko bhi dedena takeh mujhko bhi un hadharat ki nisbat hasil hojati.

SURAT KESERATUS ENAMPULUH DUA

Kepada Rozarita Kamal (RLR-S21-S44)
27hb Jun

Tasawwuf adalah kegiatan pensucian jiwa dan akal. Faqir gunakan bahasa yang mudah untuk orang awam. Jika tak faham, jangan malu untuk bertanya. Kena ada guru murshid yang bimbing, Sebagai permulaan bagi yang ingin mempelajari ilmu tariqat tasawwuf hendaklah berbai'ah dengan seorang guru murshid dari sebarang tariqat yang muktabarah iaitu silsilahnya sampai sehingga kehadhrat Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam dan beriktiqad dengan 'aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu aqidah Imam Asha'ari dan Imam Maturidi serta beramal dengan Sunnah Nabawiyyah secara zahir dan batin.

SURAT KESERATUS ENAMPULUH TIGA

Kepada Rozarita Kamal (RLR-S21-S44)
29hb Jun

Sebelum mengambil Bai'ah, sebagai permulaan bolehlah diamalkan zikir "Subhanallah Walhamdulillah Wala Ilaha Illallah Wallahu Akbar" 100 x pagi dan petang, Berselawat 100 x pagi dan petang, dan beristighfar 100 x pagi dan petang. Jika sesudah melakukan solat Istikharah dan keinginan kuat untuk mendekatkan diri kepada Allah, maka hendaklah mengambil Talqin zikir Ismu Zat dari Guru Murshid sesudah mengambil Bai'ah darinya. Semoga Allah merahmatimu, Amin.

SURAT KESERATUS ENAMPULUH EMPAT

Kepada Rozarita Kamal (RLR-S46)

28hb Jun

Tasawwuf ertinya pensucian dan Tariqat ertinya jalan. Tariqat Tasauf adalah jalan, kaedah, cara, kaifiyat, metode, prosedur penyucian jiwa dan akal dari segala yang selain Allah. Tariqat adalah aspek Batin bagi Syari'at. Ibaratnya bagaikan Ruh bagi Jasad. Tariqat Tasawwuf adalah menerusi latihan Riyadhah dan Mujahadah seperti Zikirullah, Muraqabah dan Muhasabah.

SURAT KESERATUS ENAMPULUH LIMA

Kepada Rozarita Kamal (RLR-S21-S47)

29hb Jun

Sebelum mengambil Bai'ah, sebagai permulaan bolehlah diamalkan zikir ***"Subhanallah Walhamdulillah Wala Ilaha Illallah Wallahu Akbar"*** 100 x pagi dan petang, Berselawat 100 x pagi dan petang, dan beristighfar 100 x pagi dan petang. Jika sesudah melakukan solat Istikharah dan keinginan kuat untuk mendekatkan diri kepada Allah, maka hendaklah mengambil Talqin zikir Ismu Zat dari Guru Murshid sesudah mengambil Bai'ah darinya.

SURAT KESERATUS ENAMPULUH ENAM

Kepada Anakin Al-Khairi (RLR-S21-S48)

Tanpa Rabitah, nafsu dan ego menjadi liar. Tanda menerima kesan Rabitah adalah ingatan yang berterusan berserta Rabitah. Rabitah berlaku dalam ingatan dan khayalan sehingga khayalan terhadap Rabitah terasa mulai menguasai dan meliputi seluruh jisim. Bila ingatan terhadap diri menjadi lenyap, ingatan terhadap Rabitah menjadi mantapNafikan wujud dirimu, dan Itsbatkan wujud Syaikhmu, sama ada dia masih hidup atau sudah meninggalkan dunia ini, nescaya limpahan Faidhzan akan sentiasa terlimpah ke sanubari.

SURAT KESERATUS ENAMPULUH TUJUH

Kepada Haiza Adli (RLR-S21-S55)

26hb September 2011

Salamun 'alaikum, semoga Allah merahmati orang-orang yang sentiasa berusaha atas jalan Ihsan. Dari faqir yang hina dina lagi tiada apa-apa, semoga Allah mengampuninya, kehadhrat yang dimuliakan Muhammad Haiza semoga Allah menambahkan petunjuk kepadamu.

Berkenaan pertanyaan yang diajukan, adapun bagi seseorang Murid itu tidak dapat tidak, akan menempuhi dua peringkat dalam menjalani Tariqat. Peringkat pertama adalah peringkat penyusuan manakala peringkat kedua adalah peringkat melepaskan diri dari penyusuan. Pada peringkat pertama, penyusuan hendaklah disempurnakan dalam kadar tempoh yang tertentu dari satu sumber utama penyusuan. Mendapatkan penyusuan dari sumber penyusuan yang lain ketika dalam tempoh penyusuan adalah menyalahi adab penyusuan. Mendapatkan pengisian yang selain dari penyusuan adalah sesudah sempurna tempoh penyusuan di mana Murid mula meninggalkan susu dari sumber putingnya dan meletakkan mulutnya pada sumber-sumber yang lain. Keperluannya terhadap susu mungkin semakin berkurangan namun ingatan dan takluk hubungannya dengan sumber penyusuannya dahulu adalah semakin kuat dan semakin meningkat, hinggakan apa jua yang akan masuk ke mulutnya adalah tetap menerusi sumber penyusuannya juga. Sehinggalah mereka boleh berdikari lalu dibenarkan mencari serta mendapatkan sumber pengisian bagi memenuhi kekurangan yang perlu dipenuhkan.

Ketahuilah bahawa, Allah hanya menerima amalan yang dilakukan semata-mata ikhlas mengharapkan WajahNya dan bukan kerana yang selainNya. Demikianlah tradisi Para Masyaikh Naqshbandiyah Mujaddidiyah yang telah mengenepikan segala keperluan terhadap sesuatu apa pun kecuali mengingati ZatNya dengan penuh kesungguhan pada setiap masa dan ketika sehingga terhasil Syuhud yang berterusan memandang kepada perkara-perkara yang dizahirkan menerusi Tajalliyat. Para Masyaikh Naqshbandiyah Mujaddidiyah tidak menjadikan penuntutan terhadap perkara-perkara Kashaf dan Karamah atau sebarang kelebihan sebagai maksud bahkan sebaliknya keutamaan lebih diberikan kepada mencapai Istiqamah dalam mengingati kehadiran Allah dan membudayakan kehidupan Sunnah Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam seluruh tindak-tanduk mahupun dalam gerak ataupun diam. Sebagai seorang Murid yang kuat kemahuan, hendaklah sentiasa mengenalpasti apakah perkara dan amalan yang menjadi keperluan hidup dan apakah pula perkara-perkara yang merupakan maksud kehidupan? Andainya apa yang dituntut hanya dapat memenuhi keperluan hidup, maka itu bukanlah maksud sebenar kita menjalani Tariqat.

Allah adalah maksud, yakni ingatan terhadap Allah, melaksanakan perintah dan amanahNya sepertimana yang diamanahkan kepada Para Anbiya dan AwliyaNya. Jikalau sesuatu amalan itu dapat membawa kita kepada penafian kewujudan diri dan kesedaran Allah sebagai Wujud Mutlak yang menguasai segala diri, maka tidak dinafikan bahawa amalan tersebut akan membawa seseorang kepada daerah Tauhid. Manakala, jika sesuatu amalan itu hanya membawa kepada kesedaran wujud diri dan menyuburkan keakuan Nafs, maka ketahuilah bahawa amalan tersebut hanya akan menjauhkan kesedaranmu terhadap Allah dan terputuslah limpahan cahaya Ma'rifah. Nasihat dari faqir ini, tumpukan pada pengisian ilmu makrifat samada secara penghasilan ataupun secara penghadiran dan lupakan kepada segala ajaran yang membawa kepada wujud keakuan. Selagi penyusuanmu belum sempurna tamat, mengalihkan mulutmu dari sumber penyusuan adalah suatu kerugian yang besar dan mencari sesuatu yang selain dari susu ketika masa penyusuan adalah dikhuatiri akan mendatangkan kemudharatan.

Ketahuilah, jalan kami ini juga adalah tawar sepertimana ibarat air sejuk yang langsung tiada kemanisan di dalamnya namun ia berupaya menghilangkan dahaga dan memberikan kesegaran kepada tubuh dan jiwa yang lesu. Ia dapat membersihkan segala kekotoran hatta najis sekalipun. Kerana asal kejadian segala yang hidup adalah daripada Air. Bai'ah kamu untuk menuntut ilmu Silat tidaklah membatalkan Bai'ah kamu dalam menuntut ilmu Tariqat, kerana para penyusu tidak akan meninggalkan anak susuan mereka meskipun mereka sedang ghairah belajar merangkak dan berdiri.

Merangkak dan berdiri bukanlah maksud, sebaliknya membesar dalam mengenangkan segala karunia adalah daripada Yang Maha Pemberi adalah maksud supaya terlepas daripada kesalahan Syirik Khafi yang amat dikhuatiri. Sebaikh-baiknya untuk diri kamu adalah melakukan Solat Istikharah dan meminta bantuan petunjuk dari Allah setelah menerima kenyataan nasihat dari faqir yang hina ini.

Semoga Allah mengampunkan diri kami dan kamu serta kepada sekelian para pembaca dan pendengar, khasnya kepada yang mengucapkan Amin, dan semoga dilimpahkan segala keberkatan dan limpahan sepertimana yang telah dilimpahkanNya ke atas Para Hadhrat Khwajagan dan Ekhwan Naqshband. Wassalam Wal Ikram.

Faqir Jalalludin Ahmad 'Afa 'Anhu.

SURAT KESERATUS ENAMPULUH LAPAN

Kepada Haiza Adli (RLR-S56-57)

14hb Februari

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabaraktuh.

Alhamdulillah, faqir di sini dan semua ikhwan di sini dalam pemeliharaan Allah. Segala ahwal kamu dalam Musyahadah dan Yaqazah amat menggembirakan faqir. Semoga Allah memberikan peningkatan Ruhaniah kepada kamu dengan keberkatan sekelian Para Masyaikh Naqshbandiyah Mujaddidiyah yang telah menunjukkan kepada kita jalan untuk menyedari tentang Haqiqat kewujudan Allah yang Mutlaq dan wujud kita yang Ma'dum.

Segala ahwal dan perasaan serta gambaran Musyahadah yang kamu perolehi adalah benar dan pandangan mata hati adalah tiada berdusta. Semoga Allah memberikan peningkatan Ruhaniah dan Faidhz Rabbaniyah dalam dirimu. Sekarang, bolehlah kamu memulakan amalan Muraqabah Tajalliyyat pada Latifah Qalb, iaitu dengan keadaan Fana fi Syaikh, hendaklah membayangkan di Alam Mitsal bahawa Qalb dirimu sedang berhadapan dengan Latifah Qalb Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan limpahan yang jatuh pada Qalb Nabi hendaklah dikhayalkan bahawa sedang jatuh dan melimpah menerusi Qalb sekelian Para Masyaikh sehinggalah kepada Murshid dan rasakan limpahan tersebut terhubung dengan Qalb kamu. Begitulah seterusnya pada kesemua lima Latifah Alam Amar iaitu pada Ruh, Sirr, Khafi dan Akhfa.

Setiap Latifah tersebut mengandungi Tajalliyat yang berbeza. Hendaklah kamu merujuk kepada kitab kami "Muraqabat Kubra Mujaddidiyah". Muraqabah Tajalliayat ini dilakukan setelah Murid sudah melakukan Muraqabah Ahadiyyat. Di samping Muraqabah, lakukanlah juga Zikir Tahlil Lisani, iaitu sepertimana Zikir Nafi Itsbat tetapi tanpa menahan nafas, sebanyak 2-3 ribu setiap hari.

Alhamdulillah, faqir ini melihat kemampuan Ruhaniyahmu dan sentiasa memberikan perhatian Tawajjuh kepada batinmu meskipun faqir berada di sini. Doakan juga untuk faqir yang hina ini, semoga Allah menjadikan kita sebagai Imam bagi orang-orang yang bertaqwa, Amin.

SURAT KESERATUS ENAMPULUH SEMBILAN

Kepada Haiza Adli (RLR-S58)

2hb Mac

Assalamu'alaikum, Alhamdulillah, Faqir gembira menerima khabar Ahwal keruhanian kamu, Mudah-mudahan Allah akan menambahkan dengan peningkatan.

Adapun berkenaan cahaya yang kamu maksudkan adalah cahaya limpahan Faidhz yang datang dari arah atas Arash. Jika ternampak tempat terbitnya cahaya, maka ianya dinamakan sebagai Mabda Fiyadhz dan jika kelihatan pada batang tubuh, maka ianya dinamakan Mawrid Fiyadhz.

Aura yang keluar dari jasad itu adalah Nuraniat Zikir, dan cerminan diri yang kamu lihat adalah keterhimpunan sepuluh Lataif Alam Amar dan Alam Khalaq yang sdah mulai bersatu untuk menjadi sebagai Haiat Wahdani. Adapun lingkaran bulatan yang kamu Musyahadahkan adalah menjelaskan tentang lingkungan Daerah.

Untuk kamu sekarang ini bolehlah mula melakukan Muraqabah Tajalliyat pada Latifah Qalb, Ruh Sirr, Khafi dan Akhfa dengan merujuk kepada kitab kami yang berjudul Muraqabat Kubra Mujaddidiyah. Jika terdapat sebarang kemusykilan, maka janganlah segan bertanya kepada faqir ini.

Wassalam Wal Ikram.

SURAT KESERATUS TUJUHPULUH

Kepada Haiza Adli (RLR-S59)

10hb Mac

Salamun'alaik, Alhamdulillah, semoga Allah merahmati dan menjadikan kita sebagai Imam di kalangan orang-orang yang bertaqwa. Amin.

SURAT KESERATUS TUJUHPULUH SATU

Kepada Haiza Adli (RLR-S60)

12hb April

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, faqir yang tiada apa-apa lagi miskin ini mendoakan kebaikan dan keberkatan untuk dirimu, semoga Allah Ta'ala menjadikan kita sebagai Imam bagi orang-orang yang bertaqwa. Berkenaan dengan segala Ahwal yang dilaporkan tiadalah kemusykilan apa-apa kerana dalam peringkat menembusi persiaran Sayr Daerah Imkan, akan tersingkap penzahirannya dengan menaiki tingkatan langit dan proses ini dinamakan sebagai 'Uruj yang berakar kata sama dengan perkataan Mi'raj iaitu menaiki tingkatan demi tingkatan langit sebelum mencapai Asal sekelian Lataif Alam Amar yang berada di atas 'Arash Mu'alla.

Pertemuan dengan Hadhrat Baginda 'Isa 'Alaihissalam dalam Musyahadah ketika Muraqabah mungkin disebabkan tawajjuh pada Latifah Khafi yang bersungguhan. Untuk maju menuju Wilayat Sughra, hendaklah bertawajjuh melakukan Muraqabah Tajalliyyat Latifah Akhfa sambil mengkhayalkan bahawa limpahan kesempurnaan Shan Jami' dari Latifah Akhfa Hadhrat Baginda Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam sedang terlimpah pada Latifah Akhfaku menerusi keberkatan Wasilah Para Masyaikh Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah.

Perbanyakkanlah Tahlil Lisani iaitu mengucapkan Zikir ***La Ilaha Illa Allah*** pada lidah batin dan perbanyakkanlah membaca Al-Quran dengan pemahaman makna di samping memperbetulkan bacaan dengan Makhraj Huruf serta Tajwidnya. Perbanyakkanlah juga Solat Nawafil dan berpegang teguhlah dengan Syari'at dan Sunnah Muhammadiyyah Mustafawiyyah Sallallahu 'Alaihi Wa 'Aalihi Wa Ashabihi Wabaraka Wasallam.

Faqir Haqir Jalalludin Ahmad 'Ufiya 'Anhu

SURAT KESERATUS TUJUHPULUH DUA

Kepada Subhi Al-'Aidrusi

20hb Mac 2011

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh

Nahmaduhu Wanusolli Wanusallim 'Ala Rasulihil Karim, Wa Ba'du;

Adapun faqir ini berpendapat bahawa perkembangan Islam adalah sentiasa berkembang sesuai dengan Iradah Allah Ta'ala kerana Dia Yang Memelihara AgamaNya sehingga ke Hari Qiyamat. Agama Islam ini akan berkembang hingga ke seluruh alam kerana Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah sebagai Rahmat untuk seluruh alam.

Islam akan berkembang dengan usaha Doa dan Dakwah. Doa adalah usaha yang bersifat batin manakala Dakwah adalah usaha yang bersifat zahir. Kedua-duanya juga adalah usaha. Tanpa usaha, Islam tidak akan berkembang. Dari satu sudut, kita melihat bahawa Allah yang berkuasa mutlak untuk memperkembangkan AgamaNya. Dari sudut yang lain, kita melihat bahawa Allah telah menetapkan bahawa setiap orang-orang yang beriman dan beramal Salih perlu menjalan usaha untuk mengembangkan ajaran-ajaran Agama Islam. Islam sedang berkembang di seluruh alam, sepertimana apa yang sedang berlaku di Barat, manusia berbondong-bondong masuk ke dalam Agama Islam, begitulah juga yang sedang berlaku di Timur dan akan terus berlaku sehingga menjelangnya Qiyamat. Kita tidak akan menyedari Af'al tindakan Allah memelihara AgamaNya jika kita tidak menfanakan diri dan merenungi segala kesan tindakan Af'alNya. Allah adalah bertindak menurut sangkaan hambaNya terhadapNya.

Secara khususnya kita perhatikan di sekitar Nusantara di Asia Tenggara, Islam berkembang dengan baik. Maka kerana itulah kita masih dapat menghayati Islam dan mengamalkan nilai-nilai ajaran Islam dengan baik, dengan berkat usaha dan pengorbanan orang tua-tua kita dahulu. Ramai orang yang dahulunya Hindu, kini sudah jadi Muslim, yang Cina Budhha pun ramai yang dah jadi Muslim. Begitu juga ramai etnik-etnik yang lain sudah banyak yang menerima Islam sebagai Agama mereka. Allah telah memilih seluruh Ummat Islam untuk menjalankan usaha Dakwah sebagai memenuhi PerintahNya.

"In Tansurullaha Yansurkum Wa Yutsabbit Aqdamakum"

"Jikalau kamu membantu Allah nescaya Dia akan membantu kamu dan akan menetapkan kaki-kaki kamu."

Siapakah yang sanggup membantu Allah dalam menegakkan urusan AgamaNya? Iaitu dengan mengajak manusia supaya mematuhi perintah-perintahNya yang bersifat zahir dan yang bersifat batin dan menegah manusia dari melakukan segala laranganNya? Siapakah yang sanggup membantu Allah dalam memelihara AgamaNya sehingga ke Hari Qiyamat sepertimana yang telah menjadi keinginan Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam? Siapakah yang sanggup memelihara Agama Islam yang suci dari dirosakkan oleh golongan Kuffar? Siapakah yang sanggup mempertahankan kemuliaan Agama Allah di atas muka bumi ini dari dicemari dengan akidah sesat dan dakyah propaganda untuk menghancur dan melenyapkan Islam? Hanya orang-orang Islam yang beriman dan beramal salih sahaja yang akan sanggup untuk membantu Allah. Orang-orang Islam yang lemah imannya atau rosak imannya tidak akan sanggup membantu Allah kerana mereka sendiri tidak dapat membantu diri mereka. Hendaklah kita menjadi seperti Para Sahabat dan Para Hawariyyin yang berkata:

"Nahnu Ansarullah!"

Khulasahnya, Islam akan terus berkembang di Asia Tenggara selagi mana ada golongan-golongan jemaah Ummat Islam yang terus giat menjalankan usaha dalam segenap bidang Dakwah Islamiyah. Generasi kini adalah pemimpin generasi hadapan dan generasi kinilah yang bertanggungjawab membentuk generasi di hadapan. Kita mahu generasi kita di hadapan menjadi apa? Ahli Dunia atau Ahlullah?

Tanggungjawab untuk memastikan bahawa Agama Islam akan terus berkembang di Asia Tenggara dan di seluruh mayapada sesuai dengan kehendak Allah dan Rasul adalah pada diri kita setiap Ummat Islam hari ini supaya anak-anak cucu dan cicit kita nanti juga akan mengamalkan ajaran Agama Islam seperti yang telah dibawakan oleh Hadhrat Baginda Junjugan Sayyiduna Muhammad Mustafa Ahmad Mujtaba 'Abdullah Wa Rasulullah Sallallahu Ta'ala 'Alaihi Wa 'Alihi Wa Sahbihi.

Wassalam Wal Ikram.

Faqir Jalalludin Ahmad 'Afa 'Anhu

SURAT KESERATUS TUJUHPULUH TIGA

Kepada Subhi Al-'Aidrusi

20hb Mac 2011

Kehadhrat Muhtaram Subhi Al-'Aidrusi Bani 'Alwiyyin Zaida Majdahu,

Hamba yang dhaif faqir haqir Jalalludin Ahmad Ar-Rowi 'Afallahu 'Anhu telah mengurniakan Ijazah 'Ammah ke atas semua bahan penulisan faqir ini yang sudah diterbitkan di bawah penerbitan Khanqah Naqshbandiyah Mujaddidiyah. Semoga dengan keberkatannya Allah Ta'ala mengurniakan lautan kesempurnaan dalam ilmu pengetahuan. Amin.

Faqir Jalalludin Ahmad 'Afa 'Anhu

SURAT KESERATUS TUJUHPULUH EMPAT

Kepada Subhi Al-'Aidrusi

4hb April 2011

Salamun 'Alaika Ya Habibi,

Adalah Nur Nabi cahayanya meliputi ke seluruh alam maya.

Haqiqatul-Haqaiq Ta'ayyun Awwal, Qalam Bistari Rahmat sekelian alam maya.

Cahayanya berkilau menyilaukan mata, hanya hati yang dapat merasa.

Pandangan Fuad tiada berdusta, kerana melihat barang yang nyata.

Suhbah dan Tawajjuh amalan rasmi, tanpa Mujahadah binasakanlah diri.

Tumpukan pandanganmu menghadap kami, kami bersamamu dan kamu bersama kami.

Itulah cahaya yang meliputi, dalam rantaian Cakra Ilahi.

Jikalau engkau tiada mengerti, bersegeralah kamu kepada kami.

Bayangkan dirimu dalam Tasyahhud, menghadap Ilahi mengadap Rasul.
Nescaya engkau nikmati Syuhud, terhadap para pengikut Rasul.
Hadirkan Rasul setiap masa, dalam setiap pergerakan kita.
Dengan cinta terhadap dirinya, setiap nafas berserta Sunnahya.
Sediakanlah jilbab kefaqiran, untuk menghadapi kekurangan.
Sediakan juga jilbab bala tohmahan, untuk menghadapi caci makian.
Maka itu baik kau senyap, mengingatiNya tanpa suara.
Sehingga ingatan selainNya lenyap, tiada risau tiada sengsara.
Tariqat itu sematanya adab, tanpa adab tiadalah mulia.
Tanpa adab menjadi biadab, maka tiadalah limpah karunia.
Semoga Allah mengampunkan kita, atas segala yang dah terlanjur;
Dan memperbaiki amalan kita, sebelum kita mati terbujur.
Wassalam Wabillahi Taufiq.

Faqir Jalalludin Ahmad Ar-Rowi 'Afa 'Anhu

SURAT KESERATUS TUJUHPULUH LIMA

Kepada Ingin Tahu Kebenaran (RLR: S61)

22hb Julai 2011

Salam, antara Naqshbandi Mujaddidi, Khalidi, Haqqani dan Muzhari, perbezaannya pada pembawakan Silsilah dan kaedah amalan latihan Ruhaniah. Usul yang sama cuma rantingnya yang berbeza.

SURAT KESERATUS TUJUHPULUH ENAM

Kepada ʻAbdul ʻAziz Shattari, India. (RLR: S66)

27hb Jun 2011

Salam. Yeh faqir haqir Malaysia sey hun aur Hadhrat Khwajah Khan Muhammad Rahmatullah ʻAlaih Sahib Khanqah Sirajiyyah Kundiyan Sharif Pakistan sey bay'at kiya.

SURAT KESERATUS TUJUHPULUH TUJUH

Kepada ʻAbdul ʻAziz Shattari, India. (RLR: S67)

25hb Oktober 2011

Wa'alaikumussalam. Mehfil-e-Sama jaiz hai, lekin hamare Akabirin Mujaddidiyyah ney tarak kardiya. Is faqir bhi isi tarah khiyal hai.

SURAT KESERATUS TUJUHPULUH LAPAN

Kepada Ahmad Hafizuddin Abdul Hadi (RLR: S68)

4hb Julai 2011

Wa'alaikumussalam, hati tenang dan sabar menerima.

SURAT KESERATUS TUJUHPULUH SEMBILAN

Kepada Shaharul Turuq Naqshbandi

Waa'alikumussalam, faqir haqir la syaik ini telah memberikan izin kepada sekelian ikhwan Naqshbandiyah untuk dikongsi karangan tulisannya. Semoga Allah Ta'ala memberi manafaat dan menjadikannya asbab hidayat untuk manusia yang lain. Andaikata ingin bertandang menziarahi faqir ini, silalah bertandang ke Khanqah Khaliliyah di Gua Damai, Gombak.

SURAT KESERATUS LAPANPULUH

Kepada Firdaus Datuk Zaman, Indonesia (RLR-S62)

7hb April 2011

Wa'alaikassalam Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismihi Ta'ala, Wa Ba'du;

Adapun Qalam adalah suatu ibarat bagi Haqiqat Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan ia bertindak menurut Kalam Allah iaitu Amar ***"Kun!"*** Segala apa yang terbit daripada Qalam adalah dengan Qudrat dan Iradat Allah Ta'ala dan ianya akan sentiasa terpelihara di sisiNya. Demikianlah Lauh Mahfuz yang ada mencatatkan segala Taqdir dan Muqaddar bagi perkara setiap sesuatu. Qalam adalah Haqiqat Muhammadiyah dan tindakannya adalah menuruti Kalam Ilahi yang asli lagi azali serta abadi. segala yang terbit di dalam alam maya ini semenjak dahulu, sekarang dan akan datang adalah berlaku dengan Taqdir yang telah ditentukan, kerana telah keringlah dakwat Qalam menuliskan segala kenyataan Muqaddar.

Kerana itulah, mafhum sebuah Hadits Qudsi ada menyatakan,

"Jikalau bukan keranamu wahai Muhammad, tiadalah Aku menciptakan sekelian falak semesta ini."

Wallahu 'A'lam Bi Muradihi.

Wassalam Wal Ikram.

SURAT KESERATUS LAPANPULUH SATU

Kepada Firdaus Datuk Zaman, Indonesia (RLR-S63)

11hb April 2011

Wa'alaikassalam Warahmatullahi Wabarakatuh

Nahmaduhu Wanusolli Wanusallim 'Ala Rasulihil Karim,

Amma Ba'du;

Taqdir terbahagi kepada dua, Mubram dan Mu'allaq. Yang pertama tidak akan berubah manakala yang kedua boleh berubah dan segala jenis permohonan doa berada dalam lingkungan Taqdir Mu'allaq. Sebagai penjelasan yang lebih lanjut, faqir sertakan huraian seperti yang diungkapkan oleh Hadhrat Syed Noor Muhammad Bin Syed Jamal. Firman Allah dalam Surah Ar-Ra'du ayat 39 yang bermaksud:

"Allah menghapuskan apa jua yang dikehendakiNya dan Dia juga menetapkan apa jua yang dikehendakiNya, dan ingatlah pada sisiNya ada "Ibu Segala Suratan"."

Takdir bermaksud ketetapan Allah dan ia terbahagi kepada dua iaitu:

1) Takdir yang tidak akan berubah dikenali dengan ***Mubram.***

2) Takdir yang boleh berubah dikenali dengan ***Mu'allaq.***

Berkata Said bin Jubir dan Qatadah Rahimahullah, Allah Ta'ala menghapus sesuatu hukum dan ditukar dengan hukum yang lain selepas itu Allah memantapkannya (Mubram). Perubahan tersebut berlaku kepada hukum Syara' dan Fardhu, kemudian Allah mantapkan (Mubram). Setelah itu ia tidak akan berubah-ubah lagi.

Berkata Abdullah bin Abbas Radhiyallahu 'Anhu, bahawa apa-apa yang telah diubah dan dimantapkan itu yang ditulis di Lauh Mahfuz dikenali dengan Taqdir Mubram. Apa-apa hukum yang dimaktubkan di situ yang akan berubah dikenali dengan Mu'allaq atau ia belum dimantapkan, masih tersembunyi dalam 'Ilmu Allah Ta'ala. Perkara-perkara yang tidak berubah pula ialah (1) rezeki, (2) umur, (3) kebahagiaan dan (4) kecelakaan. Pada pendapat Hadhrat Ibnu Abbas Radhiyallahu 'Anhu, hanya 4 perkara tersebut yang tidak akan berubah.

Telah dikeluarkan oleh Tabrani dengan sanad yang lemah dari 'Abdullah bin 'Umar Radhiyallahu 'Anhu katanya, daku telah mendengar dari Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam berkaitan dengan ayat ke-39 Surah Ar-Ra'du bahawa

perubahan-perubahan yang dikehendakinya maka ia akan berubah kecuali kecelakaan, kebahagiaan, hidup dan mati.

Telah dikeluarkan oleh Ibn Mardawiah dari Jabir bin Abdullah Radhiyallahu ‘Anhu dari Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bahawa Baginda bersabda,

“Allah Ta'ala mengubah rezeki dan menambahnya, mengubah ajal dan menambahnya.”

Telah dikeluarkan oleh Ibnu Mardawaih dari Abdullah bin Abbas Radhiyallahu ‘Anhu, kata beliau Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah ditanya berhubung dengan ayat 39 di atas, jawab Baginda yang mulia,

“Perubahan itu berlaku pada malam Lailatul Qadar seperti mengangkat, merendah, memberi rezeki kecuali hidup, mati, kecelakaan, kebahagiaan”, dan sabdanya lagi,

“Sesungguhnya perkara itu tidak akan berubah.”

(Dipetik dari Tafsir Mazhari Jilid 5, halaman 35).

Sekian, Wassalam.

Faqir Jalalludin Ahmad 'Afa 'Anhu

SURAT KESERATUS LAPANPULUH DUA

Kepada Firdaus Datuk Zaman, Indonesia (RLR-S64)

11hb April 2011

Taqdir Mubram merupakan ketentuan Allah terhadap makhlukNya yang tidak dapat diubah lagi, contohnya kematian. Apabila ajal telah tiba kepada seseorang, maka tiada seorang pun yang dapat menolaknya. Firman Allah:

"Sesungguhnya perintahNya apabila Dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepadanya: "Jadilah!" Maka ia terjadi". [Yasin:82]

Kematian pasti datang kepada seseorang, waktunya tidak diundurkan dan tidak pula dimajukan. Firman Allah:

"Dan setiap umat mempunyai ajal batas waktu. Apabila ajalnya tiba, mereka tidak dapat meminta penundaan atau percepatan sesaat pun." [Al-A'raf: 34].

Terjadinya Taqdir terhadap seorang manusia dan makhluk Allah lainnya telah tertulis di dalam QadarNya. Dengan demikian, Qadar atau Taqdir pada hakikatnya merupakan pelaksanaan dari ketentuan Allah Ta'ala. Firman Allah:

"Tiada satu bencana pun yang menimpa di bumi dan tidak pula pada dirimu melainkan telah tertulis dalam kitab Lauh Mahfuz sebelum Kami menciptakannya. Sesungguhnya yang demikian itu mudah bagi Allah." [Al-Hadid: 22]

SURAT KESERATUS LAPANPULUH TIGA

Kepada Firdaus Datuk Zaman, Indonesia (RLR-S69)

27hb Julai 2011

Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarokatuh wamaghfiratuh.

Bismillahi Wa Bihamdihi Wa Nusolli Wa Nusallim 'Ala Rasulihi, Wa Ba'du;

Dari 'Abdu Dha'if Faqir Haqir La Syaik Miskin Fani Maulawi Jalalludin Ahmad Ar-Rowi Al-Amani 'Afallahu 'Anhu, kehadhrat ikhwan Firdaus Datuk Zaman, semoga Allah merahmati dan memberkatimu dengan Taufiq untuk menuruti petunjuk Hidayah dan Dawam Yaqin atas Nasihat Syari'at.

Berkenaan adab-adab, syarat-syarat dan kaifiyat zikir Ismu Zat iaitu lafaz Allah. Menutup mata adalah kaifiyat yang lazim bagi para murid yang baru menjalani Tariqat Tasawwuf kerana dengan menutupkan pandangan mata zahir akan dapat membukakan pandangan mata batin atau mata hati yang berada di dalam rongga dada. Dengan menutup mata juga akan dapat memberikan kesan yang lebih dalam usaha untuk memberikan tumpuan penuh terhadap kehadiran Hadhrat Zat dan mencapai Syuhud atau pengalaman Musyahadah. Apa yang dilihat ketika murid menutupkan mata adalah gambaran yang terpapar di Alam Mitsal.

Peringkat Takhalli iaitu mengosongkan Lataif Qalbi adalah menghilangkan segala gambaran yang tiada kaitan dengan Allah yakni mensucikan ZatNya dari sebarang gambaran kerana ZatNya tidak menyerupai segala sesuatu. Peringkat Tahalli adalah mengisikan Nur Allah ke dalam Lataif Qalbi sehingga khayalan tentang segala kesempurnaan dan keagungan Allah terisi di dalam setiap Lataif Qalbi. Peringkat Tajalli adalah apa yang terhasil sesudah kedua-dua peringkat dilaksanakan iaitu berupa penzahiran dan penjelasan tentang segala keagungan dan kesempurnaan Sifat ZatNya.

Bagi para murid yang Mubtadi, wajarlah mereka menutup mata yang zahir ini ketika berzikir supaya segera dapat mencapai kenikmatan Musyahadah atau apa yang diistilahkan dalam Usul Tariqah Khwajagan Naqshbandiyah sebagai Yad Dashat. Walaubagaimanapun menutup mata bukanlah syarat-syarat zikir tetapi ianya termasuk dalam kaifiyat zikir sesetengah Tariqah Naqshbandiyah, khasnya Naqshbandiyah Khalidiyah yang mana para murid yang masih dalam tahap zikir Ismu Zat dan Nafi Itsbat hendaklah menutupkan mata dan kepala hendaklah ditutupkan dengan kain serban putih. Dalam pengamalan Naqshbandi Mujaddidi, menutup mata tidak dijadikan sebagai kaifiyat zikir kerana menuruti Usul Khalwat Dar Anjuman iaitu berkhalwat dalam keramaian khalayak, dan adalah tidak wajar untuk menutup mata apatah lagi menutupkan kepala. Walaupun demikian, bagi para murid yang berkesungguhan hendaklah menyempurnakan zikir Ismu Zat dua puluh empat ribu dalam sehari semalam dengan adab tertib yang sebaik-baiknya sambil memelihara syarat zikir yang utama iaitu memahamkan makna lafaz yang diucapkan oleh hati. Berwudhuk sangatlah besar faedahnya apatah lagi sambil bertawajjuh menghadap Qiblat dengan Rabitah tambatan hati dengan Syeikh dan Para Masyaikh yang kuat.

Segala adab-adab jika diterapkan sewaktu berzikir akan ada faedahnya untuk murid kerana Tariqat adalah adab menuju Allah, tanpa adab tiada jalan untuk mencapai Allah. Lidah ditongkatkan ke langit-langit sewaktu berzikir adalah supaya hanya Lataif Qalbi yang digesakan berzikir. Maka itulah lidah perlu ditongkatkan ke langit-langit supaya kegiatan di Lataif Qalbi dapat ditumpukan. Dalam ertikata lain zikir tidak dilakukan dengan menggunakan lidah sebaliknya hanya menupukan dengan sekelian Lataif di dalam dada. Menghadap Qiblat adalah sebaik-baik arah untuk kita hadapkan wajah kerana ianya merupakan arah sewaktu kita mendirikan Solat.

Sebaik-baik amalan Salih adalah solat yang khusyuk dan dilakukan ikhlas mengharapkan rahmat, keredhaan dan kurniaanNya. Berzikir ismu Zat sebanyak 24 ribu adalah sukatan pelajaran Tariqah Naqshbandiyah Mujaddidiyah, berusahalah untuk memenuhi sukatan tersebut supaya pencapaian dapat disambut.

Sesudah menyempurnakan sukatan yang perlu, maka tambahkanlah lagi Zikirullah sebagai jalan mendekatkan diri dengan kesedaran Hadhrat Zat Allah meskipun sambil dikau berjalan atau dalam majlis keramaian. Semoga Allah Ta’ala mengurniakan Taufiq dan hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullah.

SURAT KESERATUS LAPANPULUH EMPAT

Kepada Firdaus Datuk Zaman, Indonesia (RLR-S70)

27hb Julai 2011

Banyakkan berdoa memohon agar Allah permudahkan diri kita untuk berzikir,

"Allahuma A'inni 'Ala Zikrika Washukrika Wahusni 'Ibadatika"

SURAT KESERATUS LAPANPULUH LIMA

Kepada Firdaus Datuk Zaman, Indonesia (RLR-S71)

28hb Julai 2011

Beda pada kaifiyat cara duduk ada rahsia dan hikmahnya masing-masing yang akan dapat kita rasai apabila kita mulai melakukannya. cara duduk menjadi kaifiyat penting bagi penuntut tariqat naqshbandi khalidi, namun di sisi naqshbandi Mujaddidi, cara duduk tidak dititikberatkan, bahkan sebaik-baik duduk adalah cara duduk di dalam Solat.

Berkenaan cara duduk kebalikan Tasyahhud adalah cara duduk Para Sahabat Ridhwanullah 'Alaihim Ajma'in ketika duduk bersuhbah di samping Hadhrat Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Wallahu A’lam.

SURAT KESERATUS LAPANPULUH ENAM

Kepada Firdaus Datuk Zaman, Indonesia (RLR-S72)

20hb Januari

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh Wamaghfiratuh

Berpuasalah setiap Isnin dan Khamis, mudah-mudahan Allah membantumu untukmenundukkan hawa dan nafsumu, Amin.

SURAT KESERATUS LAPANPULUH TUJUH

Kepada Subhi Al-'Aidrusi (RLR-S76)

4hb Julai 2011

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh,

Khabar baik, berkenaan fadhilat Khatam Khwajagan, ianya merupakan amalan Para Masyaikh Silsilah 'Aliyah Khwajaganiyah iaitu dari Hadhrat Abu Yazid Bistami Qaddasallahu Sirrahu sehinggalah ke Hadhrat Khwajah 'Abdul Khaliq Ghujduwani Qaddasallahu Sirrahu lalu diteruskan oleh Hadhrat Imam At-Tariqah Ghawts Khaliqah Shah Bahauddin Naqshband Qaddasallahu Sirrahu. Ianya adalah amalan untuk memohon limpahan Rahmat dan Faidhz serta segala Hajat Ukhrawi dan Duniawi dari Hadhrat Allah Ta'ala.

SURAT KESERATUS LAPANPULUH LAPAN

Kepada Haji Fauzan (RLR-S26)

9hb Ogos 2011

Salam, Tahlil Lisani adalah sama seperti Zikir Nafi Itsbat, cuma tak perlu tahan nafas, penghayatan pada makna zikir yang menjadi syarat utama. bergantung kepada saranan Murshid, biasanya 2000 sehingga 5000 sehari semalam secara minimanya, dan sebanyak-banyaknya tiada had.

Dalam Naqshbandiyyah Khalidiyyah, ada Maqam Tahlil dan Salik perlu menyiapkan jumlah Tahlil 70,000 untuk dirinya kemudian perlu menyiapkan jumlah bilangan yang sama untuk dihadiahkan kepada mereka-mereka yang berhak, antaranya Para Masyaikh, ibu bapa, langit dan bumi, Syurga Dan Neraka, 'Arash dan Kursi serta banyak lagi termasuklah empat

anasir iaitu Tanah, Air, Api dan Angin. Dalam Naqshbandi Mujaddidi, tiada sedemikian. Wuquf Qalbi yang sempurna adalah Latifah Nafs bertawajjuh ke arah Latifah Qalb dan Qalb bertawajjuh Kehadhrat Allah. Ya, seperti yang faqir dah nyatakan, tenung pada Qalb dan Qalb ingat Allah. Alhamdulillah, 'Afwan Bika.

SURAT KESERATUS LAPANPULUH SEMBILAN

Kepada Laguna Guna (RLR-S62)

3hb Ogos 2011

Wa'alaikumussalam, berkenaan syarat-syarat uatama untuk mempelajari Tariqat yang mulia Naqshbandiyah Mujaddidiyah ini, Murid hendaklah mengikhlaskan hati dalam mencari jalan untuk mencapai pendekatan terhadap Allah, kemudian hendaklah beriktiqad dengan 'Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah, berpegang teguh dengan amalan Sunnah Nabawiyah serta menjauhi perkara yang Bida'ah dalam 'Ibadah. Sekiranya seseorang Murid mempunyai latarbelakang pengajian ilmu Agama, maka ianya merupakan suatu kelebihan, namun bagi mereka yang tiada latarbelakang pengajian ilmu Agama secara khusus sekalipun, jalan untuk mereka menuju Allah adalah terbentang luas, cuma memerlukan kehendak keinginan serta semangat himmat yang kuat.

Ketahuilah bahawa Allah Ta'ala telah memilih Hadhrat Baginda NabiNya yang Ummi, dan Dia boleh memilih sesiapa sahaja yang dikehendakiNya untuk berada atas JalanNya kerana Dialah yang Maha Memberikan Petunjuk Hidayah kepada sekelian Para HambaNya. Wassalam Wal Ikram.

SURAT KESERATUS SEMBILANPULUH

Kepada Laguna Guna (RLR-S63)

8hb Ogos 2011

Assalamu'alaikum, untuk mempelajari Tariqah Naqshbandiyah Mujaddidiyah ini, memerlukan beberapa syarat iaitu ikhlaskan niat kerana Allah dan Rasul, beri'tiqad dengan 'Aqidah ahlus Sunnah Wal Jama'ah, menuruti Sunnah dan menjauhi Bida'ah serta banyak berzikir menyebut Nama Allah. Untuk berbai'ah hanya memerlukan masa yang sedikit, namun untuk menghasilkan faedah adalah menerusi Suhbah.

Wassalam Wal Ikram.

..

SURAT KESERATUS SEMBILANPULUH SATU

Kepada Laguna Guna (RLR-S64)

Wa'alaikumussalam.

Bai'ah adalah untuk maksud taubat atau menghasilkan Nisbat. Talqin adalah untuk menerima lafaz ucapan zikir dari Murshid. Andaikata dengan bai'ah dan talqin yang terdahulu tidak dapat merasakan nikmat, maka sesudah istikharah bolehlah mencari Murshid lain untuk berbai'ah bagi menghasilkan nikmat Zauq dan Shauq dalam berzikir.

Wassalam.

SURAT KESERATUS SEMBILANPULUH DUA

Kepada Jupri Anto, Indonesia

Wa'alaikumussalam, Alhamdulillah faqir di sini Sihat Wal 'Afiyat. Adapun berkenaan hukum menghadap Qiblat dalam Solat fardhu dan sunat adalah merupakan syarat sah Solat maka hukumnya Wajib iaitu dengan dadanya menghadap ke arah Qiblat, tidak memadai dengan hanya muka yang memandang ke arah Qiblat, namun dikecualikan bagi mereka yang berada dalam keadaan ketakutan yang amat. Bagi orang yang sedang bermusafir, harus baginya bersolat di dalam kenderaan yang sedang bergerak dengan menghadap ke arah Qiblat, jika mudah baginya maka Wajib dan jika sukar maka memadailah menghadap Qiblat ketika melakukan Takbiratul Ihram sahaja. Jika Solat tidak menghadap Qiblat padahal sedangkan dia berkeupayaan dan keadaan mengizinkan serta arahnya sudah ditentukan, maka tidak sah Solatnya. Jika arahnya belum ditentukan, maka berijtihadlah ke arah matahari terbenam, Wallahu A'lam.

SURAT KESERATUS SEMBILANPULUH TIGA

Kepada Maulana Ikhsan, Indonesia

Ya Allah dengan kehormatan Hadhrat Shah Naqshabandi dan sekelian Para Masyaikh Akabirin Silsilah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah, khasnya murshid kami dan sebutkan nama faqir haqir ini, seraya bermohon: rahmatilah kami dan kasihilah kami dan kurniakanlah ma'rifat dan jam'iyyat yang zahir dan yang batin dan 'afiyat dalam kedua-dua kehidupan Dunia dan Akhirat dan kurniakanlah lautan kesempurnaan kepada kami dari limpahan-limpahan Fuyudhz dan Barakat sekelian Para Buzurgan ini, Rabbana, matikanlah kami sebagai Muslimin dan sertakanlah kami bersama Para Salihin, amin, ya rabbal'alamin

SURAT KESERATUS SEMBILANPULUH EMPAT

Kepada Mohamad Tahair

Assalamu'alaikum. Arbab-i-Qulub ertinya Para Pentarbiyah Sekalian Hati, alhamdulillah, semoga Allah memudahkan segala urusan penterjemahan. Hari Ahad 4 Nov ada majlis suhbat dan mesyuarat mingguan di markazi khanqah, anta boleh datang untuk kita Mutala'ah kitab Mukashafat. Pada 11 Nov akan diadakan majlis Suhbat Bulanan dan para ikhwan dari Kelantan akan datang menghadirinya, in sya Allah. ada beberapa perkara yang perlu kita mesyuaratkan sebelum mesyuarat bulanan 11 Nov nanti. semoga Allah merahmati dan menjadikan kita sebagai Asbab-i-Arbab-i-Qulub, Wassalam.

SURAT KESERATUS SEMBILANPULUH LIMA

Kepada Ku Azmiza

Antara perkara yang membatalkan Tariqat ialah Murtad, mengamalkan Bida'ah, Aqidah terkeluar dari Ahlus Sunnah Wal Jama'ah dan tiada berzikrullah. Buruk sangka terhadap guru akan menghalang Faidhz limpahan kurnia darinya sehinggalah benar-benar bertaubat dan kembali beradab. Apabila terbatal Tariqat, tiada penghasilan Ma'rifat menerusi pengamalan Syari'at. Wallahu A'lam.

SURAT KESERATUS SEMBILANPULUH ENAM

Kepada Bonda Salmah Idris

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Kehadhrat Bonda Salmah Idris, semoga Allah merahmati dan memberkati, Alhamdulillah kerana Allah telah memilih dan mengizinkan dirimu untuk bersama kami dan bersama jemaah kami. Adapun kami mahukan laporan ahwal secara Tafsil terperinci dan bertulis berkenaan segala hal keadaan, kesan Bai'at dan Riyadhat, Waridat dan Ma'rifat yang telah terhasil semenjak dari sebelum mengambil Bai'at dan sesudah berbai'at. Kami juga mahukan laporan bertulis mengenai pengalaman kamu bersama kami dalam tiga Safar ke Pulau Besar. Perincikan segala kesan-kesan yang terhasil pada ruhani dalam setiap Riyadhah yang disertai, semoga Allah memberikan taufiq kepada kami untuk menilai peningkatan Ahwal dan Maqamat dalam menempuh Suluk Tariqat Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah. Wabillahit Taufiq, Wassalam.

SURAT KESERATUS SEMBILANPULUH TUJUH

Kepada Faqir Khairool Haque, Singapura

Wa'alaikumussalam, Alhamdulillah kerana memaklumkan hasrat tuan kepada hamba yang faqir. Adapun kami tiada menziarahi maqam yang lain selain dari maqam Hadhrat Sultan Arifin Syaikh Ismail dan Hadhrat Syaikh Yusuf Siddiq di Pulau Besar, Melaka. Kami belum pernah menziarahi maqam Hadhrat Syeikh Shamsuddin Sumatrani kerana tiada tahu di mana maqamnya. Kami bukanlah orang Melaka, namun untuk maklumat mengenai maqam-maqam di Melaka, layaklah orang Melaka yang ditanya kerana kami tiada tahu mengenainya melainkan apa yang ada di Pulau Besar.

Wallahu A'lam, Wassalam.

SURAT KESERATUS SEMBILANPULUH LAPAN

Kepada Yoedha Pramunto

Wa'alaikumussalam kehadhrat Yoedha Pramunto, semoga Allah mengampuni dan merahmatimu dengan I'tiqad yang benar. Alhamdulillah, Faqir izinkan kamu mengambil dan membaca kitab-kitab faqir. Semoga Allah merahmati hasrat kamu dan memberkatimu dalam kedua-dua kehidupan Duniawi dan Ukhrawi dan menjadikan kita Imam bagi orang-orang yang bertaqwa.

Amin.

SURAT KESERATUS SEMBILANPULUH SEMBILAN

Kepada Muhamad Nazrin

Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh, berkenaan Tariqat Samaniah bukanlah bernasab daripada Tariqat Naqshabandi sebaliknya nasab Tariqat Samaniah adalah dari silsilah Hadhrat Sayyidina 'Ali Radhiyallahu 'anhu menerusi Hadhrat Junaid Baghdadi Rahmatullah 'alaih. Amalan-amalan zikir mereka boleh diikuti kerana silsilah Samaniah adalah antara silsilah Tariqat yang muktabar di kalangan sebilangan Ulama Ahlus Sunnah Wal Jama'ah. Berbaiah atas Tariqat Samaniah tidak seharusnya menggangu usaha kerja Dakwah kerana maksud zikir adalah supaya memdapat kekuatan Ruhaniah dalam melaksanakan Syari'ah Islamiyyah dan menjalankan Dakwah Islamiyyah.

Wabillahit Taufiq, Wassalam Wal Ikram.

SURAT KEDUARATUS

Kepada Muhammad Fandi

Wa'alaikumussalam. Adapun hal keadaan tersebut adalah perkara biasa kerana pada peringkat awal memang sukar untuk memberikan penumpuan. Semua Salik ada masalah peribadi mereka sendiri dan ianya menjadi suatu ujian dan dugaan untuk Allah melihat siapakah dari kalangan Para HambaNya yang lebih baik dan lebih Ihsan dalam amalan Zikir dan Ibadahnya.

Untuk mengatasi masalah ini, hendaklah memperbanyakkan berdoa meminta supaya Allah membantu kita atas kerja mengingatiNya dan mensyukuriNya dan memperbaiki mutu amalan Ibadah kita terhadapNya. Tumpukan Wuquf Qalbi dan Baz Gasht, kami di sini mendoakan agar Allah merahmati kamu, Amin.

SURAT KEDUARATUS SATU

Kepada Rizaldin Salih

Wa'alaikumussalam. Dalam Tariqat kami, jika seseorang Salik tidak mendapat faedah limpahan Faidhz Rauhaniah, Jazbah dan Zauq, maka boleh mencari Murshid lain untuk berbai'ah bagi menghasilkan Maqsud. Wassalam.

SURAT KEDUARATUS DUA

Kepada Ridwan Al Buchori

Jamaah kami Naqshabandi Mujaddidi, penghulu kami Hadhrat Shah Bahauddin Naqshabandi pewaris Hadhrat Baginda Nabi dan Hadhrat Imam Rabbani Mujaddid Alf Tsani Syaikh Ahmad Faruqi Sirhindi adalah Imam kami dan pembimbing hidayat kami untuk menuju kesempurnaan sebagai Ummat Muhammadiyyah Mustafawiyyah.

Mereka membawa kami untuk menjadi hamba dan abdi untuk Ittiba' dan menuruti Syari'at dan Sunnah Muhammadi sebagaimana orang-orang yang terdahulu dari kami telah menempuhi.

Jemaah kami di bawah telapak kaki mereka sambil menuruti dan belajar mematuhi segala kehendak Iradat dan Qudrat Ilahi sambil mendawamkan Zikir Qalbi secara Khafi dengan menyembunyikan yang Jihri dan yang Jali.